



جایزه مفتی نegeri Perak  
Dr. Mufti Negeri Perak



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK



# KEMUKJIZATAN **AL-QURAN** **DALAM** AYAT-AYAT **KAUNIAH**

MOHD FAHMI ABDUL KHIR

# KEMUKJIZATAN **AL-QURAN** **DALAM** AYAT-AYAT **KAUNIAH**

MOHD FAHMI ABDUL KHIR



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK



---

Buku ini diterbitkan untuk kegunaan Program Taddabur al-Quran di bawah Wakaf Perak ar-Ridzuan

---

Cetakan Pertama 2020

**Diterbitkan oleh**

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak.

**Dengan kerjasama**

Jabatan Mufti Negeri Perak  
Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak.

**dan**

Telaga Biru Sdn. Bhd. (429118-A)  
28, Jalan Tembaga SD 5/2A,  
Sri Damansara Industrial Park,  
52200 Kuala Lumpur.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

Mohd Fahmi Abdul Khir

KEMUKJIZATAN AL-QURAN DALAM AYAT-AYAT KAUNIAH  
ISBN: 978-967-177-870-8

Reka bentuk kulit: Ismail Karim

Jenis huruf: Minion Pro

Saiz huruf: 11.5

**Dicetak di Malaysia oleh**

Tihani Cetak Sdn. Bhd.  
No.1, Jalan SB Jaya 15,  
Taman Industri SB Jaya,  
47000 Sg. Buloh, Selangor.

# PENGHARGAAN

Sepenuhnya syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi yang mengizinkan  
saya untuk menyiapkan sebuah buku ilmiah yang bertajuk  
*Kemukjizatan al-Quran dalam Ayat-ayat Kauniah.*

Jutaan penghargaan buat bonda tercinta Hjh. Rakiah binti Harun  
dan ayahanda Allahyarham Abdul Khir bin Ishak, yang sentiasa  
menjadi inspirasi, pengukuh semangat untuk terus berkhidmat  
kepada al-Quran al-Karim.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam  
dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Jabatan Mufti Negeri Perak yang  
memberi peluang kepada saya menyiapkan buku ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para guru dan  
para ilmuwan dan semua rakan taulan yang telah menyumbangkan buah  
fikiran dalam menyempurnakan buku ini. Tidak dilupakan kepada  
teman-teman, para asatizah dan anak-anak tahniz di Maahad Tahfiz dan  
Kemukjizatan al-Quran yang sentiasa menjadi inspirasi kepada saya  
untuk terus bekarya dan menyusuri keindahan serta keunikan ayat-ayat  
al-Quran al-Karim. Saya berdoa kepada Allah S.W.T moga suatu ketika  
nanti akan tercapai hasrat yang tersirat untuk membangunkan sebuah  
pusat kajian kemukjizatan al-Quran di Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan  
al-Quran, Pondok Air Jernih, Gerik.

Akhirnya, terima kasih juga saya rakamkan buat adinda isteri  
yang dikenali Dr. Halipah Khalid serta anak-anak tersayang yang  
menjadi sumber inspirasi dalam menempuh suka duka, pahit manis  
kehidupan ini. Wassalam.

**Mohd Fahmi Abdul Khir**



## KATA ALU-ALUAN MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

Pertamanya dan selamanya saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan *inayah*-Nya buku “Kemukjizatan al-Quran dalam Ayat-ayat Kauniah” dapat diterbitkan dengan jayanya.

Sesungguhnya membaca al-Quran merupakan ibadah yang mulia di sisi Allah S.W.T dan mempunyai banyak kelebihan. Namun alangkah ruginya jika ia hanya dibaca tanpa difahami dan dihayati maknanya. Ini kerana tiap inti dan inci kandungannya terukir pelbagai rahsia, faedah, manfaat dan pengajaran yang boleh diambil. Firman Allah S.W.T.:

٢٩ ﴿كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَبَرُّوا مَا يَنْتَهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُفُلُوًا لَّاَلَّبِنِ﴾

Maksudnya: *Al-Quran ini adalah sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayat-Nya,*

*dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar. (Surah Sad 38: 29)*

Maka kita sangat dituntut untuk mentadabbur ayat-ayat al-Quran agar maksudnya dapat difahami dan kandungannya dapat diberi penghayatan seterusnya dijadikan amalan kehidupan seharian.

Buku ini menumpukan ayat-ayat al-Quran yang menceritakan tentang kejadian alam semula jadi yang telah dicipta oleh *Khalik* untuk makhluknya. Ternyata pelbagai kejadian alam yang kini ditemui oleh para saintis telah pun dijelaskan dalam al-Quran lebih 1400 tahun yang lalu. Penerbitan ini juga bersesuaian dengan salah satu peranan Jabatan Mufti Negeri Perak yang telah ditaklifkan dengan penjelasan isu-isu dalam bidang falak.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Mohd. Fahmi bin Abdul Khir di atas penulisan yang bermakna ini. Sekalung penghargaan saya buat Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak atas kesudian mengadakan kerjasama ini dan kepercayaan yang diberikan untuk melaksanakan program “Tadabbur al-Quran” melalui buku ini.

Moga-moga dengan penghayatan ayat-ayat al-Quran dalam buku ini dapat menyuburkan ilmu dan kecintaan yang mendalam terhadap al-Quran sebagai santunan minda masyarakat Islam khususnya di Negeri Perak yang tercinta ini.

Sekian,

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

P.S.M., D.S.A., S.P.M.P., J.S.M., A.M.N., P.K.T., P.J.K.  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan



## KATA ALU-ALUAN

### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji dan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah Subhanahu wa Ta’ala, Tuhan semesta alam, tempat kami memohon hidayah, nusrah dan maghfirah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Buku “*Kemukjizatan al-Quran dalam Ayat-ayat Kauniah*” yang diterbitkan ini ialah hasil kerjasama daripada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak dan Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya. Buku ini akan menjadi sebahagian daripada teks pengisian program “Tadabbur al-Quran” di bawah projek Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu al-Quran, Wakaf Perak ar-Ridzuan.

Tadabbur al-Quran merupakan salah satu perintah daripada Allah Subhanahu wa Ta’ala menerusi firman-Nya yang bermaksud: “*Maka apakah mereka tidak mentadabbur al-Quran? Atau hati mereka terkunci?*” (Surah Muhammad 47: 24)

Dengan cara bertadabbur, umat Islam dapat mengkiaskan pengajaran daripada al-Quran kepada kehidupan manusia secara peribadi atau masyarakat keseluruhannya.

Di dalam al-Quran, terdapat sebahagian ayat yang dikategorikan sebagai ayat *Kauniyah* yang menceritakan tentang penciptaan alam semesta. Pemerhatian terhadap ayat-ayat tersebut bukan hanya sekadar melalui penzahiran pancaindera, bahkan menerusi penghayatan agar dapat meningkatkan keimanan serta kepercayaan kepada Allah SWT. Salah satu contoh ayat *Kauniyah* yang terdapat di dalam al-Quran, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman, maksudnya: “*Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pertukaran siang dan malam merupakan tanda-tanda bagi orang yang berfikir.*” (*Surah Ali 'Imran 3: 190*)

Semoga aspek kemukjizatan yang terzahir daripada ayat-ayat kauniyah dalam al-Quran akan menjadi satu unsur dakwah yang efisen dalam zaman sains dan teknologi pada hari ini. Pihak MAIPk mengharapkan agar dengan penerbitan buku serta pelaksanaan program “Tadabbur” ini akan menjadi asbab bumi Perak yang disayangi akan dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada Yang Maha Esa lantaran bacaan al-Quran dan penghayatannya terus disemarakkan.

Sekian.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.



**Shahrul Azam bin Shaari**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



# KANDUNGAN

<b>Bab Pertama : Pengenalan</b>	1
<b>Bab Kedua : Pengenalan Kemukjizatan al-Quran</b>	5
2.1 Definisi dari Segi Bahasa	6
2.2 Definisi dari Segi Istilah	7
2.3 Dari I'jaz kepada Kemukjizatan	9
2.4 Sejarah Perkembangan Ilmu Kemukjizatan al-Quran	10
2.5 Bidang-bidang Kemukjizatan	14
<b>Bab Ketiga : Ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran: Perspektif Kemukjizatan</b>	23
3.1 Definisi Ayat-ayat Kauniah	24
Kauniah 1 Penciptaan Alam	28
Kauniah 2 Kemusnahan Alam	31
Kauniah 3 Bulan Terbelah Dua	34
Kauniah 4 Bintang At-Tariq	41
Kauniah 5 Bulan dan Kelajuan Cahaya	45
Kauniah 6 Matahari Bergerak di Atas Orbitnya	48
Kauniah 7 Orbit Cakerawala	54
Kauniah 8 Matahari Memancar dan Bulan Bersinar	59
Kauniah 9 Bumi Separa Bulat	63
Kauniah 10 Langit Berfungsi Sebagai Pengembali	67
Kauniah 11 Langit Berfungsi Sebagai Atap	70

Kauniah 12	Gunung yang Menjadi Pasak Bumi	74
Kauniah 13	Gunung yang Bergerak	79
Kauniah 14	Gunung Berwarna warni	83
Kauniah 15	Lautan yang Terpisah	87
Kauniah 16	Air Laut yang Masin Terpisah daripada Air Sungai yang Tawar	89
Kauniah 17	Air dan Kehidupan	92
Kauniah 18	Laut Mati Kawasan Terendah	95
Kauniah 19	Ombak Dasar Lautan	99
Kauniah 20	Api dalam Lautan	103
Kauniah 21	Fenomena Siang dan Malam	106
Kauniah 22	Angin yang Membawa Air Hujan	111
Kauniah 23	Awan yang Sangat Berat	116
Kauniah 24	Awan Rukaman	119
Kauniah 25	Besi yang Diturunkan	125
Kauniah 26	Angin 'Isar dalam al-Quran	129
Kauniah 27	Setahun 12 Bulan	132
Kauniah 28	Putaran Bumi dan Matahari Terbit dari Sebelah Barat	136
Kauniah 29	Lubang Hitam di Cakerawala	140
Kauniah 30	Manusia dan Angkasalepas	144
Penutup		148
Lampiran		
Bibliografi		

BAB  
PERTAMA

# PENGENALAN



Tajuk buku ini ialah *Kemukjizatan al-Quran dalam Ayat-ayat Kauniah*. Penulisan ini ialah satu kajian yang menghimpunkan ayat-ayat al-Quran yang bersifat *kauniah* dan membincangkannya dari sudut ilmu kemukjizatan al-Quran. Al-Quran al-Karim seperti yang diketahui diturunkan dengan nilai kemukjizatan.

Al-Quran ialah mukjizat Nabi Muhammad S.A.W. yang terbesar. Nilai kemukjizatan yang terbesar dan terawal yang dikenalpasti ialah kemukjizatan bahasa al-Quran. As-Suyuti menyebut:

*“Jika anda mengamatinya pasti anda merasakan tidak ada bahasa yang sefasih dan sehebat bahasa al-Quran, kesemua maknanya mempunyai ketinggian.”*

Keunikian bahasa al-Quran terserlah dalam pelbagai cabang ilmu bahasa Arab, antaranya ilmu *al-ma’ani*, ilmu *bayan* dan lain-lain.

Selain keunikian bahasa al-Quran, al-Quran juga mengisyaratkan pelbagai teori yang berkaitan dengan sains, geografi, perubatan dan yang lainnya bagi menjelaskan kemukjizatannya. Begitu juga syariat Islam yang telah digariskan oleh al-Quran merupakan syariat yang lengkap. Ia sama sekali tidak mampu diada-adakan oleh manusia. Al-Quran juga menyajikan peristiwa-peristiwa lampau dan menggambarkan peristiwa-peristiwa akan datang yang kesemuanya terbukti benar.

Dari semasa ke semasa keunikian dan kemukjizatan al-Quran terus dikaji. Justeru, kita melihat banyak penemuan-penemuan

baru yang berkaitan dangan kemukjizatan al-Quran. Antaranya, kemukjizatan jiwa, kemukjizatan bilangan dan sebagainya. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Quran yang mana Allah SWT berfirman:

﴿ سَنُرِيهِمْ ءَايَتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ أَوْلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴾



Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Belumkah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu? (Surah Fussilat 41: 53)*

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

﴿ لَا يَأْنِيهِ الْبَطْلُ مِنْ يَبْنَ يَدِيهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴾



Maksudnya: *Yang tidak datang kepadanya (tiada dalam al-Quran) sebarang kebatilan, baik dari depan maupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Rabb yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji. (Surah Fussilat 41: 42)*

Dalam dunia sains dan teknologi pada hari ini, pelbagai penemuan telah dicetuskan namun banyak penemuan tersebut telah diisyaratkan oleh al-Quran al-Karim. Al-Quran telah menjelaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan alam semesta

bahkan terdapat ribuan ayat al-Quran yang membicarakan tentang alam semesta. Al-Quran membicarakan tentang langit, bumi, matahari, bulan, bintang, lautan, gunung-ganang dan lain-lain. Ayat-ayat yang berkaitan dengan alam semesta diistilahkan dengan ayat-ayat **Kauniah**.

### كانَ: ( فعل )

- **كانَ يَكُونُ ، كُنْ** ، كَوْنَا وَكِيَانَا وَكَيْنُونَةً ، فهو **كَائِنٌ**
- **لَكُونُ** : الوجود المطلق العام
- **الْكَوْنُ** : اسمٌ لما يجُدُّ دُقَعَةً ، كحدود النور عَقِبَ الظَّلَامَ مباشرةً ؛ فإذا كانَ الحدث على التدرج فهو الحركة
- **الْكَوْنُ** : حُصُولُ الصُّورَةِ فِي الْمَادِيَةِ بَعْدَ أَنْ لَمْ تَكُنْ حَاصِلَةً فِيهَا كَتْحُولُ الطِّينِ إِلَى إِبْرِيقِ
- **الْكَوْنُ** : استحالَةُ جوهر المادَةِ إِلَى مَا هُوَ أَشَرُّ مِنْهُ ويقابلُهُ الفسادُ ، وهو استحالَةُ جوهرِ إِلَى مَا هُوَ دُونَهُ
- **وَالْكَوْنَانِ** : الدنيا والآخرة
- **الْكَوْنُ** : (الفلك) العالم ، جملة الموجودات التي لها مكان وزمان كالأجرام **كَوْنٌ كُرُوَيَّ**
- **عِلْمُ الْكَوْنُ** : علم يُبيحَثُ فيه عن العالم من حيث قوانينه الطبيعية التي يسير بمقتضاهما
- **نَسَاءُ الْكَوْنُ** : (الفلك) عِلْمٌ يُفسِّرُ كيفية نسأة **الْكَوْنُ** والأجرام السماويَّ

Justeru, penulis berasa amat berbesar hati dan bersyukur kerana dapat memberi sedikit sumbangan bagi tujuan mengupas dan menganalisis ayat-ayat Kauniah dan membahaskannya dari perspektif ilmu kemukjizatan al-Quran.

BAB KEDUA

# PENGENALAN KEMUKJIZATAN AL-QURAN

## 2.1 DEFINISI KEMUKJIZATAN DARI SEGI BAHASA

Perkataan kemukjizatan merujuk kepada kalimah *i'jaz* dalam Bahasa Arab. *I'jaz* (إِعْجَازٌ) ialah lafaz *masdar* (kata terbitan) dari *a'jaza* (أَعْجَزَ) kata kerja kala lampau dari kata dasar *a'jaza* (عَجَزَ). Perkataan *عَجَزَ* mempunyai beberapa makna dengan merujuk kepada kamus-kamus Arab yang utama<sup>1</sup>. Makna-makna tersebut adalah lemah (الضَّعْفُ), lawan kepada kuat (قَيْصُرُ الْحَرْمَ), belakang atau terkemudian (مُؤَخَّرٌ), dan akhir (الشَّوَّءُ).

Ar-Raghib al-Asfahaniy (1999: 323) menyatakan asal perkataan ini bermakna perkara yang di belakang kemudian digunakan untuk makna lemah kerana perkara yang di belakang itu dilihat sebagai sesuatu yang lemah.

Salah al-Khalidiy (1996: 20) berpendapat, perkataan ini juga daripada sudut bahasa bermakna kuat berdasarkan kepada penggunaan seperti *إِعْجَازُ النَّخْلِ* (belakang unta) (akar pokok) yang merujuk kepada makna kuat.

Justeru itu, Salah al-Khalidiy (1996: 20) berpendapat, perkataan ini dari segi bahasa mempunyai dua makna yang

---

1 Lihat Ibn Manzur, 1990, jld 5: 368-373, Al-Jauhariy, jld 1: 880-881, Al-Jubaidiy, jld 4: 48-52, Ibn Sidah, jld 1: 44, Al-Firuz al-Abadi, jld 2: 187-188.

berlawanan, iaitu lemah dan kuat. Kedua-dua makna yang berlawanan ini apabila dikaitkan dengan al-Quran dapat disimpulkan bahawa al-Quran yang kuat dapat melemahkan sesuatu yang kuat juga.

## 2.2 DEFINISI KEMUKJIZATAN DARI SEGI ISTILAH

Terdapat pelbagai ungkapan takrif yang diberikan oleh para ulama antaranya ialah:

1. Suatu ilmu yang menerangkan tentang bagaimana sifat al-Quran yang melemahkan dan mencabar makhluk-makhluk Allah yang lain untuk mendatangkan sesuatu yang sepertinya<sup>2</sup>.
2. Mensabitkan atau menyatakan kelemahan manusia secara berasingan atau berkumpulan untuk mendatangkan sesuatu seperti al-Quran. (Al-Sabuniy, 1970: 91)
3. Menzahirkan kebenaran Rasulullah s.a.w. dalam membawa risalah Islam dengan menyatakan kelemahan orang-orang Arab dan umat terkemudian untuk mencabar keunikan al-Quran. (*Manna' al-Qatan*, 1378H: 126)
4. Keunikan al-Quran yang melemahkan mereka yang ingin mendatangkan yang sepertinya. (Fadl Abbas, 1991: 28)

Berdasarkan definisi-definisi di atas penulis menyimpulkan ia sebagai suatu ilmu yang membincangkan tentang kelebihan dan ketinggian al-Quran dari pelbagai aspek yang dapat melemahkan segala cabaran yang mencabar kebenaran al-Quran

2 Lihat al-Zarqani, 1998, jld. 2: 573.

khlasnya dan Islam umumnya daripada mencipta sesuatu seperti al-Quran dan seterusnya membuktikan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.

Penulis berpendapat definisi-definisi tersebut merujuk kepada dua konteks utama iaitu:

1. Cabaran al-Quran terhadap golongan yang menentang kebenarannya supaya mendatangkan ayat-ayat seperti al-Quran. Al-Quran yang turun daripada Tuhan yang Maha Berkuasa hakikatnya menjangkau kemampuan manusia. Ini jelas dilihat daripada kegagalan orang-orang Arab yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang bahasa dan retorik Arab untuk mengadakan ayat-ayat seperti al-Quran. Cabaran al-Quran terhadap mereka melalui tiga peringkat yang berikut:

- a. Mendatangkan al-Quran secara keseluruhan.
- b. Mendatangkan sebanyak sepuluh surah.
- c. Mendatangkan satu surah al-Quran sahaja.

Ini tidak bermakna mereka boleh mencabar dalam satu ayat atau sepuluh ayat al-Quran. Penulis melihat tujuan al-Quran mencabar dalam kuantiti yang banyak adalah untuk memerangi psikologi masyarakat Arab ketika itu. Namun, pada hakikatnya satu ayat pun mereka tidak mampu untuk mengadakan seperti al-Quran.

2. Keindahan, keunikan dan isyarat al-Quran yang merujuk kepada pelbagai bidang dan aspek sama ada bahasa, sains, bilangan, perubatan, ilmu alam dan lain-lain yang menjangkau pemikiran manusia bahkan itulah janji Tuhan yang akan menunjukkan kekuasaan-Nya dari segala kejadiannya. Firman Allah S.W.T:

سَرِّيْهُمْ ءَايَتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبَيِّنَ لَهُمْ  
 آنَهُ الْحَقُّ أَوْ لَمْ يَكُنْ بِرَبِّكَ آنَهُ، عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ⑤۲

Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Tiadakah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?* (Surah Fussilat 41: 53)

Di samping itu, penulis juga berpendapat istilah “*I’jaz*” hendaklah diguna pakai dalam semua bahasa. Ini kerana istilah perkataan tersebut mempunyai makna yang sangat luas dan apabila diistilahkan mengikut bahasa tertentu, ia akan mengurangkan makna yang terkandung dalam istilah tersebut. Contohnya, dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan dengan “*inimitability*” atau “*miracle*” (J.G. Hava, 1982: 455/ Wortabet, 1968) dan istilah tersebut mengurangkan makna yang terdapat dalam istilah *I’jaz* tersebut.

### 2.3 DARIPADA AI-‘IJAZ KEPADA KEMUKJIZATAN

Perkataan *al-I’jaz* ialah perkataan yang telah masyhur digunakan namun ia lebih kearaban justeru, penulis berpandangan perkataan yang lebih sesuai dan lebih kerap penggunaannya di alam melayu ialah kemukjizatan. Dalam masa yang sama perkataan tersebut tidak mengurangkan makna atau maksud sebenar sepermimaan perkataan *al-I’jaz*.

Kemukjizatan berasal daripada perkataan mukjizat, istilah mukjizat lebih meluas penggunaannya di alam Melayu. Ini kerana perkataan tersebut dipelajari dalam ilmu akidah. Istilah mukjizat merujuk kepada perkara luar biasa yang berlaku kepada para Nabi bagi membuktikan kebenaran kerasulan Baginda. Istilah kemukjizatan al-Quran ialah istilah yang dikhatuskan kepada perkara luar biasa yang terzahir daripada ayat-ayat al-Quran.

Dalam buku ini, penulis akan memfokuskan kemukjizatan ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang alam semesta. Ini termasuklah ayat-ayat yang berkaitan dengan bulan, bintang, matahari, gunung-ganang, lautan dan sebagainya.

## 2.4 SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU KEMUKJIZATAN AL-QURAN

Secara umum, perkembangan ilmu *I'jaz* al-Quran dapat dibahagikan kepada lima peringkat perkembangan yang berikut:

### 1. Peringkat Pertama

Peringkat ini merujuk kepada zaman awal Islam sehingga kurun ke-3 Hijrah. Peringkat ini belum terdapat sebarang isyarat yang jelas berhubung dengan ilmu ini. Ketinggian dan keunikan al-Quran wujud secara perasaan atau *zauq* (ذوق) dan belum dijelmakan secara penulisan, istilah dan lain-lain.

*“Zauq adalah pengukur sebenar kepada keunikan al-Quran. Ia merupakan perasaan semula jadi yang dapat merasakan ketinggian sesuatu bahasa.”* (Salah al-Khalidiy, 1996: 98)

## 2. Peringkat Kedua

Munculnya kurun ke-3 Hijrah menyaksikan lahirnya beberapa tokoh yang memberikan isyarat awal berhubung ilmu ini dalam penulisan mereka. Dua tokoh yang terawal yang memberikan sumbangan mereka ialah Abu Ubaidah melalui bukunya *Majaz al-Quran* dan al-Farra' dalam bukunya *Ma'ani al-Quran* (Fadl A'bbas, 1991: 37). Namun begitu, buku-buku ni lebih menjurus kepada perbahasan tentang retorik Arab dan dihubungkan dengan al-Quran secara tidak langsung. Tidak dinafikan bahawa perkembangan retorik Arab dan *Ijaz al-Quran* adalah selari dan saling berhubungan.

“Seterusnya muncul al-Jahiz dan gurunya an-Nazm yang memberi isyarat lebih jelas berhubung ilmu ini.” (Fadl A'bbas: 1991: 40). Al-Jahiz membincangkan tentang *as-Sarfah*, iaitu bagaimana al-Quran mengekang masyarakat Arab yang kufur daripada mendatangkan sesuatu yang menyamai al-Quran. Beliau juga menjelaskan tentang keunikan *al-Bayan al-Qurani* seperti yang terkandung di dalam bukunya *Al-Bayan wa al-Tabyin*. Justeru itu, teori berhubung *Ijaz al-Quran* telah pun dibincangkan sungguhpun penggunaannya masih belum begitu jelas.

## 3. Peringkat Ketiga

Penggunaan istilah *Ijaz al-Quran* mula digunakan dengan munculnya dua penulisan yang berbentuk risalah (lebih kurang 40 hingga 50 halaman sahaja), iaitu *An-Nukat fi Ijaz al-Quran* yang ditulis oleh ar-Rummaniyy dan *Bayan Ijaz al-Quran* yang ditulis oleh al-Khitabiy. Tajuk risalah yang menggunakan perkataan *Ijaz* mengisyaratkan kepada kita tentang wujudnya istilah tersebut.

Perbincangan yang diketengahkan dalam kedua-dua risalah tersebut lebih menjurus kepada bidang retorik Arab contohnya *Risalah ar-Rummaniy* yang terdiri dari 40 halaman di mana 35 halaman daripadanya membincangkan tentang retorik Arab.

Salah al-Khalidiy (1996: 29) menyatakan, “Orang pertama menggunakan istilah ini ialah Muhammad bin Yazid al-Wasitiy (meninggal tahun 306H).” “Tetapi buku tersebut tidak dapat dikesan kewujudannya kecuali isyarat-isyarat yang diterima daripada para penulis selepasnya.” (Fadl A’bbas, 1991: 41)

#### **4. Peringkat Keempat**

Peringkat ini menyaksikan munculnya penulisan-penulisan yang lebih besar yang berbentuk buku, antaranya buku *I’jaz al-Quran* oleh Abu Bakar al-Baqilani. Buku ini menampakkan sedikit perkembangan berhubung dengan bidang *I’jaz* tetapi masih terikat dengan retorik Arab khususnya di dalam ilmu al-Badi’.

Mengapakah para penulis di peringkat ini tidak membincangkan dengan mendalam tentang *I’jaz* di dalam bidang sains, perubatan dan lain-lain sedangkan di peringkat ini perkembangan ilmu tersebut pesat berkembang?

Penulis berpendapat fenomena ini berlaku kerana ia merujuk kepada cabaran yang diterima oleh al-Quran adalah lebih ketara dalam bidang bahasa dan retorik. Justeru, para penulis yang menulis untuk memberi khidmat dan membela ketinggian al-Quran juga akan lebih cenderung kepada aspek tersebut. Kalau dilihat kepada zaman kini, cabaran lebih tertumpu dalam bidang sains dan teknologi, maka kerana itulah penulisan di zaman kini lebih menekankan aspek tersebut.

Antara buku lain yang terkenal dan telah muncul di peringkat ini ialah *Dalail al-I'jaz* oleh Abdul Qahir al-Jurjaniy. Buku ini dianggap kemuncak di dalam penulisan retorik Arab dan *I'jaz al-Quran*. Abdul Qahir al-Jurjaniy telah mencetuskan teori an-Nazm yang disimpulkan secara deduktif daripada penggunaan al-Quran yang akhirnya berjaya mencungkil keunikan al-Quran seterusnya teori ini diperaktikkan oleh az-Zamakhsyari dalam tafsirnya *al-Kasysyaf*.

## 5. Peringkat Kelima

Peringkat ini adalah peringkat moden. Selepas peringkat keempat yang lebih menekankan aspek retorik atau bahasa. Peringkat ini lebih komprehensif di mana kemukjizatan yang cuba dikupas daripada pelbagai bidang ilmu khususnya bidang sains selari dengan keadaan semasa yang lebih cenderung kepada sains dan teknologi. Di samping bidang-bidang konservatif yang lain di mana bidang tersebut berkembang dan diperluaskan.

Penulisan di peringkat ini terbahagi kepada dua bahagian.

**Pertama:** Penulisan umum iaitu membincangkan tentang *I'jaz* daripada semua bidang ilmu, contohnya *Mutawalli asy-Sya'rawi* dalam bukunya *I'jaz al-Quran*.

**Kedua:** Penulisan khusus iaitu fokus kepada sesuatu bidang sahaja, umpamanya *I'jaz* dari segi perubatan, geologi, astronomi dan lain-lain.

Dalam peringkat ini, muncul juga beberapa penemuan baru kemukjizatan umpamanya *al-I'jaz al-adadiy* (kemukjizatan bilangan), *al- I'jaz an-nafsiy* (kemukjizatan kejiwaan) dan lain-lain.

Penulisan di peringkat ini tidak terhad kepada penulis-penulis Arab sahaja bahkan juga penulis-penulis lain dalam pelbagai bahasa. Tambahan pula, muncul juga penulis-penulis orientalis yang membincangkan tajuk *I'jaz al-Quran*.

## 2.5 BIDANG-BIDANG KEMUKJIZATAN

Perbincangan berkaitan ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran hendaklah dikaitkan dengan bidang-bidang kemukjizatan al-Quran. Berikut dibincangkan secara ringkas berhubung bidang-bidang tersebut iaitu:

### 2.5.1 Kemukjizatan Bahasa

Kemukjizatan bahasa al-Quran merupakan kemukjizatan yang pertama yang dikenal pasti. Ini kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan ia diturunkan ketika masyarakat Arab amat menitikberatkan persoalan bahasa dan kesusasteraan. Antara aspek penting dalam kemukjizatan bahasa ialah makna perkataan yang digunakan oleh al-Quran.

Perkataan-perkataan al-Quran adalah tepat dan terpilih. Perkataan-perkataan al-Quran diletakkan sesuai pada tempatnya. Perkataan al-Quran juga mempunyai kaitan dengan nilai kemukjizatan al-Quran yang lain seperti kemukjizatan saintifik dan syariat. Menghalusi makna-makna perkataan dalam al-Quran amat penting dalam mengeluarkan nilai-nilai kemukjizatan yang lengkap dalam sesuatu ayat yang akan dibahaskan.

Di samping itu, struktur bahasa Arab yang diolah oleh al-Quran menjadikannya luar biasa. Bahkan selepas penurunan al-

Quran, al-Quran menjadi sumber penghujahan struktur bahasa Arab yang terpenting, diikuti hadis kemudian barulah kata-kata para pujangga (syair atau prosa).

Ayat-ayat Kauniah yang akan dibincangkan hendaklah dikaitkan dengan aspek kemukjizatan bahasa al-Quran bagi tujuan menzahirkan perkara luar biasa yang tercetus daripada perbincangan tersebut. Contohnya, perkataan **الظَّارِفُ** hendaklah dibahaskan daripada sudut bahasa sebelum mengenalpasti bintang **الظَّارِفُ** yang diutarakan oleh al-Quran dalam Surah at-Thariq.

### 2.5.2 Kemukjizatan Syariat

Syariat Islam terbina di atas **Iman**, **Islam** dan **Ihsan** atau aqidah, syariah dan akhlak. Syariat Islam ialah syariat rabbaniyah iaitu syariat yang diturunkan oleh Allah S.W.T melalui wahyu al-Quran dan perutusan Rasulullah S.A.W. Kesemua syariat yang digariskan oleh al-Quran tidak mampu direka oleh akal manusia, ia adalah ketentuan daripada Allah S.W.T. Allah S.W.T telah menetapkan kewajiban seseorang hamba untuk menyembah-Nya, beribadat kepada-Nya, mentauhidkan-Nya dan membesarluhan-Nya. Tiada Tuhan selain Dia. Dialah Tuhan yang menjadikan segalanya, Maha Berkehendak lagi Maha Berkuasa.

Aspek syariah atau *fiqh* mempunyai kaitan rapat dengan kemukjizatan syariat. Ibadah-ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain ialah syariat yang mempunyai nilai kemukjizatan. Akal manusia tidak mampu mengadakannya. Contohnya puasa Ramadan, yang ditakrifkan sebagai menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar sadiq sehingga terbenam matahari dengan

syarat-syarat tertentu. Takrifan ini menjangkau akal pemikiran manusia dan amat luar biasa<sup>3</sup>.

Kemukjizatan syariat akan terzahir apabila digabungkan dengan kemukjizatan yang lain seperti kemukjizatan saintifik, bahasa, bilangan dan lain-lain. Contohnya, syariat penyembelihan, uji kaji yang dijalankan oleh saintis mendapati penyembelihan cara Islam adalah penyembelihan yang terbaik, bersih, berkualiti dan suci<sup>4</sup>.

### 2.5.3 Kemukjizatan Jiwa

Bacaan ayat-ayat al-Quran akan memberi kesan yang positif kepada sesuatu yang diperdengarkan kepadanya. Hati dan jiwa manusia akan terkesan dengan bacaan al-Quran, Muslim atau bukan Muslim. Beberapa pakar perubatan telah membuat kesimpulan bahawa bacaan al-Quran akan mempercepatkan tahap kesembuhan. Pada hari ini, antara kaedah perubatan yang semakin mendapat perhatian sama ada Muslim atau bukan Muslim ialah kaedah perubatan al-Quran. Allah S.W.T berfirman:

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ  
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا



Maksudnya: *Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.* (Surah al-Isra' 17: 82)

<sup>3</sup> Rujuk kertas kerja bertajuk *Puasa Ramadan: Suatu Ibadah yang Unik*.

<sup>4</sup> Rujuk kertas kerja bertajuk *Penyembelihan Korban Unik*.

Bacaan ayat al-Quran juga memberi kesan kepada jirim yang lain. Air akan terkesan apabila dibacakan al-Quran dengan berubahnya molekul air membentuk gabungan molekul yang berkualiti<sup>5</sup>. Tumbuh-tumbuhan juga akan tumbuh dengan normal apabila diperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran al-Karim<sup>6</sup>. Binatang ternakan akan menjadi jinak apabila dibacakan ayat 82 Surah Ali ‘Imran<sup>7</sup>.

#### **2.5.4 Kemukjizatan Perkhabaran akan Datang**

Al-Quran menjelaskan tentang perkara akan datang yang terbukti benar. Aspek kehidupan akhirat begitu banyak dibacarkan oleh al-Quran. Peristiwa kiamat, mahsyar, syurga, neraka dan lain-lain. Namun begitu, peristiwa akan datang yang bersifat duniawi juga telah dibacarkan oleh al-Quran. Contohnya, peristiwa jasad firaun Ramsis II yang disimpan buat pengajaran umat terkemudian. Jasad tersebut dijumpai pada kurun yang lepas, kini dipamerkan di Muzium Firaun di Kaherah.

Sarjana Muslim memberikan penjelasan dari sudut logika, berhubung peristiwa akhirat yang diperjelaskan oleh al-Quran dengan mengaitkannya dengan ilmu kemukjizatan al-Quran. Ilmu kemukjizatan al-Quran telah berjaya melemahkan percubaan musuh-musuh Islam untuk menimbulkan keraguan dalam ayat-ayat al-Quran. Kegagalan mereka terlihat jelas apabila kesemua kenyataan daripada al-Quran terbukti benar khususnya pada zaman sains dan teknologi masa kini. Dr. Zakir Naik dalam kajiannya menyatakan 80 peratus kenyataan al-Quran yang bersifat duniawi telah terbukti benar, hanya berbaki

5 Rujuk kajian seorang profesor dari Jepun.

6 Rujuk keputusan eksperimen dalam majalah *al-Ayat*.

7 Rujuk penjelasan Imam al-Qurtubiy ketika ayat tersebut.

20 peratus yang sedang dalam pembuktian. Jika 80 peratus telah terbukti benar hanya berbaki 20 peratus, ia akan menjadi 100 peratus. Secara logiknya, jika sudah 100 peratus terbukti benar kelak maka apakah mungkin peristiwa akhirat masih diragui?

### 2.5.5 Kemukjizatan Perkhabaran Lampau

Al-Quran menjelaskan berhubung kisah para Nabi a.s, al-Quran juga mengisahkan peristiwa-peristiwa lampau, kisah Bani Israel, kisah Zulqarnain, kisah Ashabul Ukhud, kisah Ashabul Kahfi dan lain-lain bahkan, al-Quran mengesahkan kisah-kisah yang tersebut dalam Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama (*Bible* dan *Talmud*).

Terdapat tohmahan bahawa Nabi Muhammad S.A.W meniru *Bible*, sedangkan Nabi Muhammad adalah *ummiy* (tidak boleh membaca dan menulis). Bagaimana Nabi boleh meniru sedangkan *Old Testament* dalam bahasa Arab ditulis pertama kalinya oleh Saadia Gaon sekitar tahun 900 Masihi iaitu 250 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W. *New Testament* dalam bahasa Arab yang pertama ditulis oleh Erpenius pada tahun 1616 Masihi.

Sedikit persamaan antara al-Quran dan *Bible* dalam mengisahkan kisah-kisah para Nabi terdahulu tidak bererti al-Quran meniru *Bible*. Ini kerana *Bible* berasal daripada Injil, begitu juga *Talmud* berasal daripada Taurat. Al-Quran, Injil dan Taurat ialah wahyu Allah SWT. Cumanya Injil dan Taurat telah diubah dan ditokok tambah sehingga menjadi *Bible* dan *Talmud*. Bahkan manuskrip asal Injil dan *Talmud* tidak mungkin ada. Hal ini telah dimuktamadkan oleh pakar-pakar dalam bidang arkeologi. Ini berbeza dengan al-Quran yang mutawatir yang mana penurunannya, pengumpulannya terpelihara sama ada

secara hafalan atau tulisan. Manuskrip asalnya telah disatukan dalam penulisannya dan dikenali sebagai *Mushaf Uthmani* yang akan terpelihara sehingga ke hari kiamat. Pada pandangan penulis penurunan dan pengumpulan al-Quran adalah satu kemukjizatan.

Kemukjizatan saintifik dalam al-Quran mengukuhkan kemukjizatan perkhabaran lampau yang terdapat dalam al-Quran. Fakta-fakta saintifik dalam al-Quran sama ada astronomi, fizik, biologi dan lain-lain kesemuanya selari dengan penemuan-penemuan saintis di era sains dan teknologi masa kini. Ini berbeza dengan *Bible* dan *Talmud* yang banyak percanggahan dengan sains moden.

Kemukjizatan bahasa al-Quran juga mengukuhkan kemukjizatan perkhabaran lampau dari sudut keasliannya berbanding *Bible* dan *Talmud*. Gaya bahasa *Bible* ialah gaya bahasa manusiawi. Adapun gaya bahasa al-Quran ialah *tawqifi*, iaitu tertentu atas ketentuan Allah S.W.T yang mewahyukannya kepada Nabi Muhammad S.A.W.

### 2.5.6 Kemukjizatan Bilangan

Angka dan bilangan dalam al-Quran sangat unik. Kedudukan ayat dan surahnya adalah *tawqify*. Bilangan ayat dan surahnya adalah *tawqify*. Hurufnya, perkataannya, ayatnya, surahnya dan kesemuanya atas ketentuan Nabi S.A.W yang sudah pasti menerima daripada Allah S.W.T. Tidak mungkin manusia lain merubahnya walau satu huruf apatah lagi satu ayat atau satu surah.

Kemukjizatan bilangan yang digabungkan dengan kemukjizatan saintifik, syariat atau lainnya akan menzahirkan

keunikan al-Quran itu sendiri. Contohnya, antara keistimewaan agama Islam ialah agama yang pertengahan. Allah menjelaskan tentang hal tersebut dalam ayat 143 Surah al-Baqarah. Surah al-Baqarah berjumlah 286 ayat. 143 ialah angka separuh daripada 286. Syariat Islam yang bersifat pertengahan huraiannya berada dalam ayat pertengahan Surah al-Baqarah.

Bilangan perkataan berlawanan dalam al-Quran mempunyai jumlah yang sama. Perkataan iman (إِيمَانٌ) dan kufur (كُفْرٌ) tersebut sebanyak 167 kali. Perkataan dunia (دُنْيَا) dan akhirat (آخِرَةٌ) tersebut sebanyak 115 kali. Perkataan hayat (حَيَاةٌ) dan maut (مَوْتٌ) tersebut sebanyak 145.

### 2.5.7 Kemukjizatan Saintifik

Kemukjizatan saintifik ialah kemukjizatan yang sangat penting dalam dunia sains dan teknologi pada hari ini. Di awal penurunan al-Quran, kemukjizatan bahasa adalah kemukjizatan yang paling menonjol. Kenapakah keadaan ini berlaku? Hal ini melibatkan faktor cabaran yang mempersoalkan kemukjizatan bahasa al-Quran itu sendiri.

Di awal penurunan al-Quran, masyarakat Arab ketika itu amat menyanjung tinggi ahli-ahli bahasa. Ketika itulah al-Quran diturunkan dengan gaya bahasa yang amat luar biasa. Justeru, kemukjizatan bahasa al-Quran menjadi perhatian dan fokus. Begitulah di era ketamadunan Islam, tiada cabaran daripada bukan Islam atau musuh Islam. Ini kerana tamadun dan kemajuan ketika itu dipelopori oleh orang Islam.

Situasi ini amat berbeza pada zaman kini, ketamadunan dipelopori oleh masyarakat Barat, sains dan teknologi juga dikuasai oleh masyarakat Barat. Cabaran juga berfokus ke arah tersebut. Justeru, pada hari ini kemukjizatan saintifik amat

penting dalam melemahkan musuh-musuh Islam yang cuba mencipta kesangsian dan kekeliruan terhadap al-Quran.

Kemukjizatan saintifik merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang mengisyaratkan teori-teori atau penemuan-penemuan yang berkaitan dengan sains. Sains bererti ilmu pengetahuan. Ilmu yang diperolehi secara pemerhatian dan uji kaji. Sesuatu yang bersifat sains atau menuruti proses sains dikenali sebagai saintifik. Sains tulen terbahagi kepada ilmu sains biologi seperti anatomi, sains kimia, sains fizik seperti astronomi, sains kaji bumi seperti geologi dan sains komputer.

Ayat-ayat Kauniah yang dibincangkan dalam penulisan ini akan mengaitkan banyak unsur-unsur sains khususnya ilmu sains astronomi. Ribuan ayat Kauniah dalam al-Quran yang mendahului penemuan-penemuan ahli sains, justeru, ayat-ayat al-Quran tersebut mempunyai nilai kemukjizatan dan secara tidak langsung menjadi satu method dakwah yang sangat efisyen dalam dunia sains dan teknologi pada hari ini.



BAB  
KETIGA

# AYAT-AYAT KAUNIAH DALAM AL-QURAN: PERSPEKTIF KEMUKJIZATAN

### 3.0 PENDAHULUAN

**K**ejadian alam semesta ialah bukti nyata akan kewujudan Allah S.W.T. Kejadian alam semesta membuktikan keesaan Allah S.W.T. Al-Quran al-Karim yang merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad S.A.W merupakan kitab suci yang sarat dengan ayat-ayat yang menyeru manusia agar memerhati, berfikir, menaakul akan segala ciptaan Allah S.W.T. Allah S.W.T berfirman:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِرَةِ الْيَوْمِ  
وَآنَهَارِ لَكَيْتَ لَأُولَئِكَ الْأَلْبَابُ ﴾  
19.

Maksudnya: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Surah Ali Imran 3: 190)

Ibrahim Laqqani juga bermadah dalam *Nazm Jawharat*:

فَانْظُرْ إِلَى نَفْسِكَ ثُمَّ انْتَقِلْ \* لِلْعَالَمِ الْعُلُوِّيِّ ثُمَّ السُّفْلَىِ

Maksudnya: (*Untuk buktikan kewujudan Allah*) maka lihatlah kepada kejadian dirimu kemudian beralih pula \* kepada kejadian alam tinggi (langit) kemudian kejadian alam bawah (bumi).

Menaakul kejadian dan ciptaan Allah S.W.T akan pasti meningkatkan rasa kerdilnya seorang insan. Cukuplah dengan

memerhatikan bintang-bintang di langit akan menimbulkan rasa keinsafan betapa hebatnya ciptaan Allah S.W.T itu. Ratusan ribu juta bintang yang tunduk dan patuh kepada perintah Allah S.W.T. beredar di atas orbit dan paksi masing-masing. Sebutir bintang yang bernama *Red Super Giant* yang besarnya jutaan kali ganda lebih besar daripada bumi<sup>8</sup> tunduk dan patuh kepada Allah S.W.T. Memikirkan tentang bintang akan menyebabkan manusia yang beriman berasa amat kerdil untuk berhadapan dengan Tuhan Rabbul Jalil yang menciptakan alam ini. Hanya memikirkan tentang bintang akan membuatkan manusia berasa betapa terbatasnya ilmu yang dimiliki. Allah S.W.T berfirman:

﴿ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوْتِيْتُمْ ﴾  
 منْ عِلْمٍ إِلَّا قَلِيلًا ﴿ ٨٥﴾

Maksudnya: *Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah, "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit."*  
*(Surah al-Isra' 17: 85)*

Hanya berfikir tentang bintang, akal manusia sudah terbatas. Ibn Kathir menuangkan dalam tafsirnya perbandingan *al-Kursi* dengan langit dan bumi dan segala yang ada dalam sistem cakerawala yang mengandungi ratusan ribu bintang seperti satu titik di tengah padang pasir yang luas. Ada pun perbandingan *al-Kursi* dengan 'Arasy Allah Taala adalah seperti satu titik di tengah padang pasir yang luas. Ini hanyalah gambaran yang diberikan sedang hakikatnya hanya Dialah yang Maha Mengetahui.

Allah S.W.T sentiasa menzahirkan tanda-tanda kekuasaan-

---

8 Lihat *The Largest Known Star*, <http://youtube.com/watch?v=smmNP8G69vc>.

Nya, hal ini sudah pasti menggamtit orang yang beriman untuk terus meneroka kejadian alam. Firman Allah S.W.T:

سَرِّيْهُمْ إِيْنَتَنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَقَّ يَبْيَنَ  
لَهُمْ أَنَّهُ أَحْقُّ أَوْلَمْ يَكُفُّ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ



Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Belumkah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu? (Surah Fussilat 41: 53)*

Antara keistimewaan umat akhir zaman atau antara kelebihan mereka yang hidup di akhir zaman ialah dapat melihat kebenaran kenyataan daripada al-Quran al-Karim. Menurut Dr. Zakir Naik dalam kajiananya menyatakan segala kenyataan al-Quran tentang alam semesta 80% sudah terbukti kebenarannya. Hanya 20% yang berbaki yang terus menjadi medan kajian para sarjana dan ahli ilmu khususnya di era teknologi masa kini.

### 3.1 DEFINISI AYAT-AYAT KAUNIAH

Kauniah ialah perkataan Arab yang berasal daripada perkataan *Kaun* (كُونْ) ialah kata terbitan. *Kauniyah* (كونية) apabila ditaniskan, maksudnya kewujudan atau segala yang wujud. Adapun ilmu *kaun* ditakrifkan ilmu yang membahaskan tentang alam dari segi hukum, peraturan yang berlaku di alam ini.

Ayat-ayat Kauniah ialah ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang makhluk Allah SWT, langit, bumi dan segala yang ada di dalamnya, zatnya, sifatnya dan hal yang berkaitan dengannya.

Tinjauan penulis terhadap kajian lampau mendapati takrifan yang diberikan begitu umum. Justeru, penulis berpendapat ayat-ayat Kauniah ialah ayat-ayat al-Quran yang membahaskan tentang makhluk yang tidak bernyawa seperti langit, bumi, cakerawala, gunung-ganang, lautan dan lain-lain yang memberikan pengajaran tentang tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Penulis berdalilkan ayat al-Quran berikut:

سُرِّيهِمْ إِيَّنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبَيِّنَ  
لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ أَوْلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنْهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ



Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Belumkah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu? (Surah Fussilat 41: 53)*

Dalam ayat ini dua perkara dinyatakan iaitu “*afaq*” (الْأَفَاقُ) dan “*anfusihim*” (أَنفُسِهِمْ). Penulis berpendapat *afaq* ialah yang tidak bernyawa manakala *anfusihim* ialah yang bernyawa seperti manusia dan binatang.

KAUNIAH  
1

## PENCIPTAAN ALAM

Firman Allah SWT:

﴿ أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴾  
٤٧

Maksudnya: *Dan apakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahwasanya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman?* (Surah al-Anbiya' 21: 30)

Firman Allah SWT:

﴿ وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْمَانِنَا وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ﴾  
٤٧


Maksudnya: *Dan langit itu Kami bangun dengan kekuasaan (Kami) dan sesungguhnya Kami benar-benar berkuasa.* (Surah az-Dzariyat 51: 47)

Kedua ayat di atas mendahului penemuan teori “The Big Bang” dan teori yang berkaitan dengan perluasan alam, “The Expansion of Universe”. Langit dan bumi berpadu sebelum meletus dan terpisah. Bumi dan alam semesta ini pada asalnya berpadu sebelum terpisah. Langit dalam al-Quran merujuk


kepada segala cakerawala. Perkataan السَّمَاوَاتُ bermaksud tinggi. Segala yang tinggi, bintang, galaksi adalah termasuk dalam pengertian langit.

Selepas meletus, alam ini meluas dengan begitu pantas. Perkataan أَيْدٍ dirasmikan dengan dua huruf ‘ya’. Ini menjelaskan bahawa alam semesta, segala sistem suria, bintang-bintang, planet dan sebagainya diciptakan oleh zat yang maha hebat iaitu Allah SWT.

Nilai kemukjizatan dalam ayat ini ialah penjelasan al-Quran tentang teori *The Big Bang* dan teori *The Expansion of Universe* mendahului penemuan para sarjana dan para ahli astronomi. Ketika para sarjana belum mengetahui tentang teori tersebut, al-Quran telah menerangkannya lebih 1400 tahun yang lalu. Ayat ini melemahkan golongan yang berfikiran ateis dan liberal. Secara analogi, satu peralatan yang dicipta sudah pasti yang tahu tentangnya ialah penciptanya walaupun tiada sesiapa yang mengetahuinya. Al-Quran ialah kalam Allah SWT. Al-Quran telah menjelaskan tentang teori dalam keadaan siapapun tidak mengetahui tentangnya. Ini secara langsung membuktikan kewujudan Tuhan. Tuhan itu ialah Allah SWT, kerana Allah SWT yang menurunkan al-Quran al-Karim.



Edwin Powell Hubble yang telah memuktamadkan teori The Big Bang dan teori The Expansion of Universe, beliau mencipta teleskop besar dan membuat kesimpulan berhubung perluasan alam selepas memerhati bintang, galaksi yang sentiasa menjauh antara satu sama lain.



Gambaran ahli astronomi berhubung dengan berpadunya alam ini sebelum meletus dan mengembang dengan pantas.

KAUNIAH  
2

## KEMUSNAHAN ALAM

**T**eori *The Big Bang* dan teori ‘Perluasan Alam’ telah disyaratkan oleh al-Quran. Isyarat tersebut telah mendahului penemuan para ilmuwan dalam bidang fizik dan astronomi. Selepas berlaku ‘letusan besar’ atau ‘*big bang*’ alam ini meluas dengan begitu pantas.

Para sarjana telah memberi pandangan mereka berhubung tempoh perluasan alam. Zaghlul al-Najjar menjelaskan tiga pandangan yang diutarakan oleh para pengkaji iaitu:

- i. Perluasan yang berterusan tanpa henti dan tiada pengakhirannya.
- ii. Perluasan alam akan berterusan dengan bersilih ganti berlakunya letusan dan himpunan galaksi. Mengcut dan meletus semula dan begitulah seterusnya.
- iii. Perluasan alam akan menjadi semakin lambat dan akan terhimpun. Ini disebut teori ‘*The Big Crunch*’.

Ketiga-tiga pandangan ini hanyalah bayangan para saintis dan pengkaji. Mungkin benar dan mungkin sebaliknya. Orang-orang yang beriman menyakini bahawa kenyataan al-Quran pasti benar. Jangan kita meletakkan al-Quran di bawah telunjuk sains dan teknologi.

Sebesar mana sekalipun kenyataan yang berupa saintifik, andainya bertentangan dengan kenyataan al-Quran, orang beriman pasti meyakini bahawa kenyataan al-Quran mengatasinya yang lainnya. Kenapa al-Quran seharusnya menjadi rujukan dalam perkara-perkara yang belum diketahui akan perlakunya?

Di zaman teknologi pada hari ini hampir 80% kenyataan al-Quran telah terbukti benar. Hanya berbaki 20% iaitu perkara yang belum berlaku seperti ayat-ayat yang berkaitan dengan kiamat dan *sam'iyyat*. Dr. Zakir Naik berhujah secara logiknya jika 80% sudah terbukti benar maka baki 20% juga pasti akan benar. Kenyataan al-Quran seiring dengan teori “*The Big Crunch*”. Firman Allah S.W.T:



يَوْمَ نَطْوِيُ الْسَّمَاءَ كَطْيٍ أَسْبِلُ لِكَتْبٍ كَمَا بَدَأْنَا  
أَوْلَ خَلْقٍ تُبَيِّدُهُ وَعَدًا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: (*Ingatlah*) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran surat catitan; sebagaimana kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, Kami ulangi wujudnya lagi; sebagai satu janji yang ditanggung oleh Kami; sesungguhnya Kami tetap melaksanakannya. (*Surah al-Anbiya’ 21: 104*)

Alam ini akan dihimpun dan digulung ketika berlaku kiamat. Alam yang digulung bererti kembalilah ia sepertimana awal kejadiannya iaitu sebelum berlakunya letusan dalam ‘*The Big Bang*’. Itulah janji Allah S.W.T yang mana alam ini akan musnah apabila berlaku kiamat. Allah S.W.T juga menjelaskan alam yang lain akan diciptakan selepas kemusnahan alam ini iaitu padang mahsyar yang akan mengadili setiap makhluk yang ditaklifkan. Firman Allah S.W.T:

يَوْمَ تَبَدَّلُ الْأَرْضُ عَيْنَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتُ وَبَرَزُوا إِلَيْهِ  
الْوَحِيدُ الْقَهَّارٌ ﴿٤٨﴾


Maksudnya: (*Ingatlah*) pada hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa. (Surah Ibrahim 14: 48)



KAUNIAH  
3

## BULAN TERBELAH DUA

Firman Allah S.W.T:



Maksudnya: *Telah dekat datangnya saat itu dan telah terbelah bulan.* (Surah al-Qamar 53: 1)

Peristiwa bulan terbelah dua berlaku di zaman Nabi SAW. Beberapa hadis berikut menjelaskannya. Abdullah bin Mas'ud berkata:

إِنَّشَقَ الْقَمَرَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِرْقَتَيْنِ، فِرْقَةً فَوْقَ الْجَبَلِ وَفِرْقَةً دُونَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْهَدُوا.

Maksudnya: *Bulan terbelah menjadi dua bahagian pada zaman Rasulullah SAW. Satu belahan terdapat di atas gunung dan belahan lainnya berada di bawah gunung. Lalu Rasulullah bersabda, "Saksikanlah."* (Riwayat al-Bukhari)


سَأَلَ أَهْلَ مَكَّةَ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - آيَةً فَانْشَقَ الْقَمَرُ بِمَكَّةَ مَرَّتَيْنِ فَنَزَّلَتِ (أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَ الْقَمَرُ) إِلَى قَوْلِهِ

(سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌ).

*Maksudnya: Penduduk Makkah meminta kepada Nabi SAW suatu bukti. Akhirnya bulan terbelah di Makkah menjadi dua bahagian, lalu turunlah ayat, “Telah dekat datangnya hari kiamat dan telah terbelah bulan. Dan jika mereka (orang-orang musyrikin) melihat suatu tanda (mukjizat), mereka berpaling dan berkata, “(Ini adalah) sihir yang terus-menerus.” (Riwayat al-Tirmidzi)*

Bulan ialah kejadian Allah SWT yang indah. Peribahasa Arab mengumpamakan kecantikan dengan bulan. Begitu juga bahasa Melayu. Rasulullah SAW diumpamakan seperti bulan purnama dalam ungkapan burdah.

Bulan ialah jirim angkasa lepas yang terdekat dengan bumi. Jarak bulan daripada bumi ialah 384,400 km. Bulan mengelilingi bumi dengan putaran mirip bulatan atau seperti bulatan cengkerang sejauh 2.4 juta km dengan kadar kelajuan 3675 km sesaat. Satu pusingan mengambil masa 29.5 hari.



Jarak antara bumi dengan matahari : 150 juta km.

Jarak antara bulan dengan bumi : 384,000 km.

Jarak antara bumi dengan matahari adalah 400 kali jarak antara bulan dengan bumi.




Sepanjang putaran bulan, bumi dan matahari akan berada di atas garisan yang sama. Ini disebut “*ijtimak*”. Putaran bulan juga menatijahkan wujudnya fasa bulan. Fasa anak bulan, fasa bulan sabit dan fasa bulan purnama.

Dalam zaman teknologi pada hari ini, apabila angkasawan telah menjejakkan kaki ke bulan, beberapa penemuan telah dikenal pasti antaranya ialah garisan panjang yang merentasi bulan. Sebahagian angkasawan telah membuat kesimpulan bahawa garisan ini ialah kesan daripada terbelahnya bulan pada suatu ketika dahulu.

Zaghlu al-Najjar<sup>9</sup> bercerita kisah David Peacock yang telah menerima hidayah Allah S.W.T selepas mengetahui fenomena ini. Beliau telah dihadiahkan oleh seorang kawan Muslimnya sebuah al-Quran terjemahan bahasa Inggeris. Lembaran pertama yang dibacanya ialah Surah al-Qamar. Ketika itu

---

<sup>9</sup> Rujuk *Majallat al-Ayat*.



**Garisan panjang di bulan.**



**Gambaran bulan terbelah.**

beliau sedang menonton wawancara seorang angkasawan yang baru pulang dari bulan. Angkasawan tersebut menjelaskan pengalamannya melihat garisan panjang di bulan dan membuat kesimpulan bahawa bulan pernah terbelah dua. Angkasawan itu tidak mengetahui apa yang diperkatakannya itu telah berlaku di zaman Nabi S.A.W dan diperjelaskan oleh Al-Quran al-Karim. David Peacock segera menyambung bacaan Surah al-Qamar. Sinaran hidayah Islam telah menerangi hidupnya dengan peristiwa tersebut.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam ayat ini merujuk kepada kemukjizatan syariat dan kemukjizatan saintifik astronomi. Syariat al-Quran yang berkaitan dengan mukjizat Nabi SAW telah terbukti secara saintifik astronomi. Syariat al-Quran merujuk kepada perkara-perkara yang bersifat aqidah, syariah dan akhlak. Aspek mukjizat termasuk dalam perkara aqidah yang dibincangkan dalam bab *khawariqul 'adah* (خوارق العادة) iaitu perkara-perkara yang menyalahi adat kebiasaan manusia.

info

## BULAN

**Perkataan bulan disebut dalam al-Quran sebanyak 27 kali:**

1. (6:77) Kisah Nabi Ibrahim melihat bulan mengambang.
2. (6:96) (55:5) Bulan yang boleh dikira pergerakannya.
3. (7:64) Bulan yang bergerak dengan perintah Allah S.W.T.
4. (10:5) (91:2) (25:61) (71:16) Bulan yang menerima cahaya.
5. (12:4) Bulan dalam mimpi Nabi Yusuf.
6. (13:2) (14:33) Bulan yang bergerak.
7. (16:12) (21:33) (29:61) Bulan ciptaan Allah S.W.T.
8. (22:18) Bulan yang menyembah Allah S.W.T.
9. (31:29) (35:13) (39:5) Bulan bergerak sehingga tempoh tertentu.
10. (36:39) Fasa bulan.
11. (36:40) Susunan pergerakan bulan dan matahari.
12. (41:37) Bulan tanda kebesaran Allah S.W.T.
13. (41:37) Larangan Allah S.W.T. daripada menyembah bulan.
14. (54:1) (84:18) Bulan terbelah dua.
15. (74:32) Bulan tanda kebesaran Allah S.W.T.
16. (75:8) Bulan gerhana.
17. (75:9) Bulan akan dihimpun dengan matahari.





## BULAN

Bulan menjadi panduan dalam penentuan awal Ramadan dan awal Syawal begitu juga awal Zulhijjah. Di Malaysia, kaedah rukyah dan hisab diguna pakai bagi tujuan tersebut. Syarat kenampakan anak bulan ialah seperti berikut:

1. Ketika matahari terbenam, tinggi hilal tidak kurang daripada 2 darjah dan jarak lengkuk tidak kurang daripada 3 darjah.
2. Umur hilal tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtimak.

*Ijtimak* ialah waktu di mana bumi, bulan dan matahari berada di longitud yang sama. Bulan terbit lewat 48 minit daripada terbit matahari pada setiap hari. Pada hujung bulan, matahari akan kembali berada di atas longitud yang sama dengan bulan.



**Bumi dilihat dari bulan.**

## KAUNIAH 4

# BINTANG AT-TARIQ

Firman Allah S.W.T:


 وَالسَّمَاءُ وَالظَّارِقُ ۚ وَمَا أَذْرَكَ مَا الظَّارِقُ ۖ أَنَّجْمَ الظَّارِقُ ۗ

Maksudnya: *Demi langit dan demi bintang at-Thariq. (1) Tahukah kamu apakah itu bintang at-Thariq? (2) (iaitu) bintang yang cahayanya menembus (3). (Surah at-Thariq: 86: 1-3)*

Bintang ialah makhluk Allah yang unik. Bintang menge luarkan cahaya justeru, matahari juga ialah sejenis bintang. Di malam yang cerah akan kelihatan bintang di langit. Bintang yang berkelipan dapat dilihat dari bumi. Kedudukan bintang yang amat jauh dari planet bumi menyebabkan ia kelihatan begitu kecil. Ratusan ribu juta bintang yang terdapat di alam semesta ini.

Dalam zaman teknologi pada hari ini, bintang-bintang tersebut dapat dicerap dan dianggar saiznya. *Subhanallah*, bintang ialah makhluk Allah S.W.T yang sangat besar. Bintang-bintang seperti Sirius A, Orange Giant, Arturus, Aiderbaran dan lain-lain mempunyai saiz yang amat besar. Bintang yang paling

besar yang dijumpai pada hari ini ialah VY *Carnis Majoris*<sup>10</sup>. Diameternya 2,800 juta km. Sebuah pesawat kapal terbang memerlukan 1100 tahun untuk mengelilingi bintang ini dengan kelajuan 900km/j. Terdapat berbilion bintang dalam galaksi ini.

Dianggarkan terdapat 7 bilion galaksi di alam semesta. Subhanallah maha besar Allah S.W.T yang mencipta alam ini. Rasulullah S.A.W bersabda dengan menjelaskan kemuliaan al-Kursiy dan al-Arasy, mafhumnya, “Langit (yang berbilion galaksi) dan bumi hanyalah satu titik kecil berbanding al-Kursiy padang pasir yang luas. Manakala ‘Arasy pula padang pasir yang luas jika dibandingkan dengan al-Kursiy yang hanyalah titik kecil.”

Insan yang memerhati dan berfikir tentang bintang akan merasa kerdil di hadapan Allah SWT yang menjadikan bintang-bintang tersebut.

Pihak NASA<sup>11</sup> telah menemui sebuah bintang yang dikenali *Cosmic Hammer*. Kedengaran bunyinya seperti ketukan disebabkan oleh putarannya. Jika ia mendekat dengan bumi bunyinya labih laju. Cahayanya yang شَاقِبٌ iaitu yang boleh menembus apa sahaja kerana mengeluarkan sejenis gelombang<sup>12</sup>.

Dalam keadaan para pengkaji di NASA tidak mengetahui pun tentang Surah at-Thariq mereka menjelaskan daripada kacamata astronomi tentang sifat bintang yang ditemui, ternyata apa yang mereka temui telah dikhabarkan oleh al-Quran lebih 1400 tahun yang lalu.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam ayat ini ialah ke-

10 Rujuk Youtube bertajuk Saiz Bintang.3gp.

11 *National Aeronautics and Space Administration*, Amerika Syarikat.

12 Rujuk <https://www.youtube.com/watch?v=WoIUxYrk94c>. Ir Kaheel Abdul Daim.



Bintang Cosmic Hammer.

mukjizatan bahasa dan kemukjizatan saintifik astronomi dalam al-Quran. Perkataan yang digunakan oleh al-Quran iaitu **الطَّارِقُ**. Kata akarnya ialah طَرَقَ يَطْرُقُ yang bermaksud ketuk.

**طَرَقٌ** (طريق). ( فعل : ثلاثي لازم متعد بحرف ).

طَرْقُتُ ، أَطْرُقُ ، أُطْرُقُ ، مصدر طَرَقٌ ، طُرُوقٌ .

١ . : طَرَقَ الْبَابَ :-: قَوْعَهُ ، نَقَرَهُ .

٢ . : طَرَقَ مَوْضُوعًا جَدِيدًا :-: عَالَجَهُ .

٣ . : طَرَقَ سَمْعَهُ أَخْبَارُ الْأَهْلِ :-: بَلَغَهُ ، وَصَلَتْ سَمْعَهُ .

٤ . : طَرَقَ النَّجْمُ :-: طَلَعَ لَيَلَاءً .

٥ . : طَرَقَ النَّقْدِ بِدَارِ السِّكْكَهِ :-: سَكَهُ .

٦ . : طَرَقَ الْحَدِيدِ بِالْمَطْرَفَةِ :-: ضَرَبَهُ ، مَدَدَهُ .

Rujuk: <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>

Begitu juga perkataan **ثَاقِبٌ** yang mana kata akarnya ialah **ثَقَبَ يَثْقُبُ** yang bermaksud: tepat, berbahaya, marak, membelah, menebuk, melubangkan.

- ثَقَبٌ**: (فعل)  
 • ثَقَبٌ يَكُوْبُ ، مُتَوْبِّعًا وَتَقَابِيَةً ، فَهُوَ ثَاقِبٌ  
 • ثَقَبٌ رَأْيَهُ : أَصَابَ وَنَفَذَ  
 • ثَاقِبُ الْفَكْرِ وَالرَّأْيِ : نَافَذَ الْبَصِيرَةَ ، ذَكَرٌ ، سَدِيدُ الرَّأْيِ  
 • ثَقَبٌ : ثَقَبٌ الْكَوْكُبُ وَنَحْوُهُ أَخْنَاءٌ  
 • ثَاقِبُ الدَّهْنِ : نَبِيَّهُ ، فَطْنَةٌ  
 • ثَقَبٌ ذَكْرُهُ : اشْتَهِرَ  
 • ثَقَبَتِ الرَّائِحَةُ : اِنْتَشَرَتْ ، سَطَعَتْ وَهَا جَتَ  
 • ثَقَبَتِ النَّارُ : اِنْقَدَتْ  
 • ثَقَبٌ بِرْمِيلًا : خَرَقَهُ ، أَحَدَثَ فِيهِ ثَقَبًا بَالَّهُ أَوْ مِنْقَبٍ  
 • ثَقَبٌ الْبَطَاقَةُ : خَرَمَهَا  
 • ثَقَبَتِ الْحَسَرَاتُ الْخَشَبَ : نَحَرَتْهُ  
 • ثَقَبَتِ الرَّزَنْدُ وَنَحْوُهُ : بَدَتِ الشَّرَارَةُ مِنْهُ  
 • ثَقَبٌ الْعَوْدُ : جَرَى فِيهِ الْمَاءُ وَلَانَ  
 • ثَقَبَتِ النَّاقَةُ وَنَحْوُهَا : غَرُّ لِبَنَهَا

Rujuk: <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>

Dari sudut semantik kedua perkataan tersebut, al-Quran menggunakan tepat dengan maknanya yang mana makna perkataan tersebut bertepatan dengan sifatnya iaitu bunyinya seperti ketukan dan cahayanya yang boleh menembus apa sahaja.



Bintang atau buruj orion (bintang tiga beradik) menjadi panduan penentuan arah kiblat. Bintang Qutbiy (Polaris) ialah bintang yang selari dengan paksi bumi. Ia menjadi panduan penentuan arah utara dan seterusnya arah kiblat.

## KAUNIAH 5

# BULAN DAN KELAJUAN CAHAYA

Firman Allah S.W.T:


يَدْبِرُ الْأَمْرَ مِنْ أَسْمَاءٍ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَرْجُعُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ  
 كَانَ مِقْدَارُهُ أَلْفَ سَنَةٍ مِمَّا تَعْدُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: *Dia mengatur urusan daripada langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepada-Nya dalam satu hari yang kadarnya adalah seribu tahun menurut perhitunganmu.* (Surah as-Sajdah 32: 5)

Ayat ini menjelaskan tentang malaikat yang menjunjung perintah Allah S.W.T, membawa naik ke hadrat Allah S.W.T akan segala yang diperintahkan. Malaikat dijadikan daripada cahaya. Sabda Nabi Muhammad S.A.W:

*Mafhumnya: "Dijadikan jin itu daripada api, dan dijadikan malaikat itu daripada cahaya." (Riwayat al-Bukhari)*

Ayat ini juga menjelaskan bahawa tempoh sehari itu menyamai seribu bulan. Perkataan تَعْدُونَ yang digunakan dalam ayat ini bermaksud ‘kamu mengira’ yang mana perkiraan ini melibatkan urusan di dunia. Ungkapan telah membuka minda para saintis Muslim untuk menelusuri rahsia yang ada dalam ayat ini.



**Orbit bulan yang condong.**

Seribu tahun yang tersebut dalam ayat ini merujuk kepada tahun *qamari*. Ini kerana orang-orang Arab menggunakan perkiraan tahun *qamari* dalam taqwim mereka. Bulan berputar mengelilingi bumi sejauh 2,152,612.34km<sup>13</sup> untuk mencukupkan tempoh sebulan. Didarab dengan 12,000 bulan menghasilkan angka 25,831,348,080.

Dalam ayat ini juga diisyaratkan perkataan hari. Secara tepat sehari dihitung 23 jam 56 minit 4,0906 saat. Orang awam biasanya menghitung dengan 24 jam. Apabila dihitung dalam saat iaitu 86,164.0906.

Berdasarkan angka-angka tersebut yang didasarkan kepada ayat al-Quran di atas, beberapa orang sarjana Muslim dalam bidang fizik seperti Prof. Mansur Muhammad Hasabunnabiy, Prof. Muhammad ad-Dudah, Prof. Sobri Damardas dan lain-lain membuat kesimpulan bahawa ayat ini mengisyaratkan teori kelajuan cahaya yang telah disepakati oleh para ahli fizik pada hari ini iaitu 299,792.458 km/saat. Angka ini telah dimuktamadkan dalam beberapa seminar yang diadakan di seluruh dunia.


<sup>13</sup> Rujuk Sobri Damardas.

Kaedah pengiraan menggunakan formula laju, masa dan jarak. Secara rumusnya ialah  $L = J/M$ . Laju bersamaan dengan jarak dibahagikan dengan masa.

Secara kiraannya ialah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Laju cahaya} &= \frac{\text{Jarak bulan mengelilingi matahari (J)}}{\text{Masa sehari dalam saat (M)}} \\ \text{Laju cahaya} &= \frac{25,831,348,080}{86,164.0906} \\ \text{Laju cahaya} &= 299,792.499 \text{ km/saat} \end{aligned}$$

Dalam ayat ini terdapat dua penilaian kemukjizatan iaitu kemukjizatan bilangan dan kemukjizatan saintifik astronomi fizik. Ternyata angka-angka perkiraan yang diberikan oleh al-Quran mempunyai makna tertentu bahkan, mengisyaratkan teori yang sangat penting dalam ilmu pengetahuan sains moden.



**Nukilan Prof. Dr. Mansur  
Muhammad Hasabunabiy.**



**Prof. Dr. Sobri Damardash.**

KAUNIAH

6

## MATAHARI BERGERAK DI ATAS ORBITNYA

Firman Allah S.W.T:

وَالشَّمْسُ بَحْرٍ لِمُسْتَقَرٍ لَهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ  
الْعَلِيمِ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *Dan matahari berjalan di tempat peredarnya. Demikianlah ketetapan yang Maha Perkasa lagi Maha mengetahui.* (Surah Yasin 36: 38)

Firman Allah S.W.T:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ الَّيَلٌ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا  
تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلنَّهَارِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُمْ  
إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sembah matahari maupun bulan, tetapi sembahlah Allah yang menciptakannya, jika ialah yang kamu hendak sembah.* (Surah Fussilat 41: 37)

Imam ar-Razi menjelaskan bahawa matahari dan bulan menjadi tanda kebesaran Allah SWT. Matahari berlari di peredarnya bermaksud tempat berlari bukan masa berlari. Allah jualah yang Maha Mengetahui bagaimana ia berlari, yang pasti ia akan memberi manfaat kepada makhluk yang lain. Penulis amat tertarik dengan tafsiran Imam al-Razi yang tetap berpegang kepada kenyataan al-Quran bahawa matahari itu ‘berlari’ atau beredar walaupun bukti ilmiah belum terhasil. Inilah sifat para ulama terdahulu yang akur dengan kenyataan al-Quran al-Karim.


Kenyataan al-Quran yang berkaitan dengan ‘matahari berlari’ telah menjadi tajuk yang dibahas oleh sebahagian pengkaji dalam kalangan orientalis dan bukan orientalis. Mereka membuat andaian yang pelbagai untuk mengatakan bahawa al-Quran itu bercanggah dengan fakta saintifik.

Ketika era tamadun terdahulu, Ptolemy (283 SM) mengatakan bahawa bumi ialah pusat sistem suria dan matahari mengelilingi bumi. Pada tahun 1512 Nicholus Copernicus berteori bahawa matahari tidak bergerak dan berada di tengah sistem suria. Yohannus Keppler saintis Jerman telah membuat kesimpulan semua planet berputar di atas orbitnya. Pihak NASA telah memuktamadkan fakta pada kurun yang lepas bahawa matahari juga bergerak di atas paksinya, berputar dan beredar. Bahkan kita dapat melihat secara visual ‘rotasi matahari’ berdasarkan pengamatan yang dilakukan oleh pihak NASA.<sup>14</sup>

Pergerakan matahari ialah seperti pergerakan ombak. Matahari juga bergerak mengelilingi *Milky Way* atau Bima Sakti. Al-Quran menjelaskan pergerakan matahari ialah pergerakan ‘berlari’ iaitu pergerakan yang melibatkan gerakan fizikalnya. Ini

---

14 <https://www.youtube.com/watch?v=7dfKoPsA8KQ>.



Pergerakan matahari dalam sistem suria Bima Sakti seakan-akan ‘berlari’ (wobbling) pada orbitnya.


bermaksud jika seorang manusia berlari maka ia akan bergerak ke hadapan dalam masa yang sama kaki juga akan bergerak ke atas dan ke bawah. begitulah pergerakan sebuah kapal yang mirip kepada gerakan ombak, justeru al-Quran menyebut ‘kapal berlari’. Firman Allah S.W.T:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الْيَلِ وَالنَّهَارِ  
وَالْفُلْكِ الَّتِي بَحْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَ فِيهَا مِنْ  
كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَدِينُ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

١٦٤

Maksudnya: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (keringnya) dan Dia sebarluaskan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tandatanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan. (Surah al-Baqarah 2: 164)

Para sarjana Muslim telah memberikan penjelasan yang terperinci berhubung fakta tersebut. Maurice Bucaille dan Dr. Zakir Naik dalam buku masing-masing telah memberiuraian yang tepat dan jelas.



Antara buku mengenai kemukjizatan al-Quran dalam Sains, tulisan Maurice Bucaille dan Dr. Zakir Naik.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam perbahasan ini ialah kemukjizatan saintifik astronomi. Kemukjizatan al-Quran terzahir apabila ia melemahkan hujah musuh-musuh Islam yang cuba menimbulkan keraguan terhadap kebenaran al-Quran.

## info

### MATAHARI

- Matahari merupakan bintang terdekat dengan Bumi dengan jarak purata 149,680,000 kilometer (93,026,724 batu).
- Matahari dan lapan buah planet membentuk Sistem Suria.
- Matahari mempunyai garis pusat (diameter) 1,391,980 kilometer dengan suhu permukaan 5,500°C dan suhu teras 15 juta°C.
- Matahari dikelaskan sebagai bintang kerdil jenis G.
- Cahaya daripada matahari memakan masa 8 minit untuk sampai ke bumi.
- Matahari berputar selama 25.04 hari bumi setiap putaran dan mempunyai graviti 27.9 kali graviti bumi.
- Dilindungi daripada angin suria oleh medan magnet bumi, sementara lapisan ozon pula melindungi bumi daripada sinaran ultraungu dan inframerah.





MATAHARI

### Fakta matahari dalam al-Quran

1. Perkataan *الشمس* disebut dalam al-Quran sebanyak 33 kali.
2. (2:258) Penghujahan Nabi Ibrahim.
3. (6:96) Matahari dan bulan pergerakan keduanya boleh dihitung.
4. (7:54) (16:12) (21:33) (41:37) Matahari, bulan dan bintang bergerak dengan kekuasaan Allah SWT.
5. (12:4) Mimpi Nabi Yusuf melihat matahari sujud.
6. (13:2) (31:29) (35:13) (39:5) Matahari dan bulan dalam tempoh tertentu.
7. (33:14) Matahari dan bulan yang sentiasa beredar.
8. (17:78) Matahari tanda masuk waktu solat.
9. (18:17,86,90) Kisah Ashabul Kahf dan Zulqarnain.
10. (20:130) (50:39) Bertasbih sebelum terbit matahari.
11. (22:18) Matahari menyembah Allah SWT.
12. (25:45) Matahari menjadi penunjuk.
13. (27:24) Kaum Saba sembah matahari.
14. (29:61) Allah menjadikan matahari.
15. (36:38) Matahari bergerak di atas orbitnya.
16. (36:40) Matahari tidak akan merempuh bulan.
17. (41:37) Larangan menyembah matahari.
18. (55:5) Matahari dan bulan boleh dihitung.
19. (71:16) Matahari mengeluarkan cahaya.
20. (75:9) Gerhana bulan.
21. (81:1) Matahari digulung.
22. (91:1) Allah bersumpah dengan matahari.
23. (76:13) Kisah ahli syurga.

KAUNIAH

7

## ORBIT CAKERAWALA

Firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: *Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. masing-masing dari keduanya itu beredar di dalam garis edarannya.* (Surah al-Anbiya' 21: 33)

Firman Allah S.W.T:


لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرُ وَلَا أَلَيْلُ سَابِقُ الْأَهَارِ وَكُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: *Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang dan masing-masing beredar pada garis edarnya.* (Surah Yasin 36: 40)

Imam al-Qurtubi menjelaskan bahawa Allah S.W.T yang menjadikan matahari sebagai tanda wujudnya siang dan bulan sebagai tanda wujudnya malam. Perkataan **كُلُّ** menjelaskan

bahawa Allah S.W.T menjadikan matahari, bulan, bintang dan kawkab (planet) beredar di atas orbitnya seperti perenang yang berenang dengan pantas di dalam air.

Bulan berpusing dan berputar pada orbitnya, bumi berpusing dan berputar pada orbitnya, matahari juga bergerak di atas orbitnya. Semua planet dalam sistem suria juga berpusing dan berputar di atas orbitnya, bintang-bintang dan galaksi-galaksi juga bergerak di atas orbitnya. Orbit cakerawala ini umpama jalan yang bersimpang siur di alam semesta. Allah S.W.T berfirman:



Maksudnya: *Demi langit yang mempunyai jalan-jalan.*  
*(Surah adz-Dzariyat 51: 7)*






**Planet mengelilingi matahari pada orbit masing-masing.**



**Galaksi dengan berbilion-bilion bintang yang mana setiap satunya ada orbitnya tersendiri.**

Matahari, bulan, bintang ialah makhluk Allah yang besar. Perkataan **كُلُّ** juga merujuk kepada makhluk Allah yang kecil seperti nukleus proton dan neutron juga berputar di atas garis edarnya.

Zaghul an-Najjar menjelaskan semua makhluk Allah yang kecil dan besar sama ada proton, neutron, bumi, matahari, bulan dan bintang bahkan galaksi dan sistem suria, kesemuanya berputar secara lawan arah jam (*anti clockwise*) atau dari barat ke timur. Putaran dan pergerakan ini menyamai pergerakan jemaah haji dan umrah yang melaksanakan ibadat tawaf. Para



Perhatikan pergerakan berikut:

- Arah pengaliran darah (blood circulation) dalam tubuh manusia.
- Arah pergerakan elektron mengelilingi nukleus dalam satu juzuk atom.
- Arah pergerakan bumi, bulan dan planet mengelilingi paksinya.

Kesemuanya pada arah lawan jam, sama juga sejutima arah umat Islam bertawaf mengelilingi Kaabah.

jemaah haji dan umrah tawaf mengelilingi Baitullah menyamai pergerakan makhluk Allah yang lain sama ada yang kecil atau besar.

Nilai kemukjizatan yang terdapat dalam perbahasan ini ialah kemukjizatan saintifik astronomi dan kemukjizatan syariat iaitu syariat tawaf dalam ibadat haji. Para jemaah haji dan umrah yang melaksanakan ibadat tawaf hendaklah sentiasa menginsafi bahawa kita hanyalah makhluk yang kerdil. Makhluk Allah yang besar seperti bintang dan matahari, kesemuanya taat kepada Allah S.W.T. Kesemuanya berputar sama seperti umat Islam yang melaksanakan ibadat tawaf.

Dari sudut yang lain, sebahagian umat Islam yang menggunakan jam yang berputar mengikut putaran alam amat digalakkan, sekurang-kurangnya ia meningkatkan rasa kekerdilan kita di hadapan makhluk Allah yang besar seperti bintang dan galaksi.

## KAUNIAH 8

### MATAHARI MEMANCAR DAN BULAN BERSINAR

**M**atahari dan bulan menghiasi langit atmosfera bumi dengan sinaran cahaya yang dipancarkan oleh matahari dan pantulan cahaya oleh bulan. Firman Allah S.W.T:

﴿ هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ  
لِنَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا  
بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ أَلَّا يَتَّبِعُ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴾ ٥

Maksudnya: *Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan-Nya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan (waktu). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya) kepada orang-orang yang mengetahui.* (Surah Yunus 10: 5)

Firman Allah Taala:

﴿ وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِ نُورًا وَجَعَلَ الْشَّمْسَ سِرَاجًا ﴾ ١٦

Maksudnya: *Dan Allah menciptakan padanya bulan sebagai cahaya dan menjadikan matahari sebagai pelita.*  
*(Surah Nuh 71: 16)*



**Matahari, bumi dan bulan.**

Pada zaman Rasulullah SAW belum diketahui tentang bagaimana matahari dan bulan bercahaya. Ketika itu belum dapat dipastikan bagaimana cahaya dihasilkan. Mungkin ada yang menyatakan bahwa matahari, bintang dan bulan masing-masing mengeluarkan cahaya. Ketika itu tiada siapa yang dapat membuktikan hakikat sebenar cahaya matahari dan cahaya bulan, namun al-Quran telah membezakan antara cahaya matahari dan cahaya bulan. Al-Quran menggunakan perkataan ﴿نُورٌ﴾ dan ﴿ضياء﴾ bagi menjelaskan matahari yang bercahaya dan ﴿نُورًا﴾ bagi menjelaskan bulan yang bercahaya.


Al-Quran membezakan antara kedua-duanya bagi menjelaskan fakta penting dalam bidang astronomi. Pada hari ini,

di era sains dan teknologi, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana matahari mengeluarkan cahaya dan cahaya daripada matahari telah dipantulkan oleh bulan untuk ia kelihatan bercahaya. Dengan erti kata lain, bulan menerima cahaya daripada matahari. سَرَاجًا ضَيَّعَ وَرَأَى bermaksud mengeluarkan cahaya manakala یُوْرَا bermaksud memantulkan atau menerima cahaya.

Kemukjizatan bahasa dan kemukjizatan saintifik astronomi dalam ayat di atas menzahirkan kebenaran al-Quran. Dalam masa yang sama membuktikan kewujudan Allah S.W.T dan kesaan-Nya. Allah S.W.T yang mencipta matahari dan bulan sudah pasti Dia Maha Mengetahui tentang hakikat kedua-duanya. Tiada yang mengetahui hakikat kedua-duanya melainkan Dia.

Sebahagian musuh Islam membuat sindiran, kenapa al-Quran tidak menyatakan dengan gaya bahasa yang lebih jelas? Jawapannya, al-Quran ialah sebuah kitab yang menyuruh manusia agar berfikir, menggunakan akal fikiran, al-Quran bukanlah sebuah buku sains tetapi sebuah kitab yang menjelaskan tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T.

Dalam ayat di atas juga berupa pengesahan daripada al-Quran bahawa pergerakan matahari dan bulan boleh dihitung oleh manusia. Orang yang beriman pasti menyahut saranan dan seruan al-Quran sehingga ilmu pergerakan matahari dan bulan atau ilmu falak menjadi ilmu yang diteroka oleh para cendekiawan Islam khususnya di era ketamadunan Islam lampau. Dalam ayat lain Allah S.W.T berfirman:



Maksudnya: Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan tertentu. (Surah ar-Rahman 55: 5)



## Cahaya Bulan

Bidang falak menyatakan bahawa cahaya bulan mempunyai nilai-nilai tertentu yang memberi kesan kepada kehidupan di bumi.


Fenomena alam ketika cahaya bulan bertambah dari awal bulan sehingga bulan purnama:

1. Mereka yang sakit di awal bulan akan mempunyai antibodi yang lebih kuat untuk melawan penyakit. Semakin terang bulan semakin kuat. Ini berbeza dengan mereka yang sakit dihujung bulan.
2. Susu binatang akan lebih banyak. Telur binatang juga lebih memutih.
3. Manusia yang suka duduk dan tidur di bawah cahaya bulan akan menyebabkan kemalasan.
4. Daging binatang yang diletak di bawah cahaya akan terkesan baunya dan rasanya.
5. Ikan di lautan dan sungai akan labih banyak dan tebal dagingnya.
6. Serangga juga akan keluar lebih banyak.
7. Sengatan binatang lebih berbisa.
8. Binatang karnivor lebih aktif berburu.
9. Tumbuhan juga lebih subur jika ditanam di awal bulan.
10. Buah-buahan dan sayuran seperti timun, tembakai, labu dan lain-lain lebih subur.
11. Pokok tebu dan kapas lebih banyak belahannya.
12. Garam galian juga lebih bersih dan jernih.

## KAUNIAH 9

# BUMI SEPARA BULAT

Firman Allah S.W.T:



Maksudnya: *Dan bumi sesudah itu dihamparkan-Nya.*  
(Surah an-Nazi'at 79: 30)

Ayat ini menjelaskan tentang penciptaan bumi. Kejadian bumi mengisyaratkan kebesaran Allah S.W.T. Perkataan **دَحَّنَهَا** diterjemahkan sebagai hampar. Kebanyakan ahli tafsir menyatakan bumi dihamparkan bukan bermaksud bumi ini “flat” atau datar dan leper. Hampar merujuk kepada pandangan mata kasar manusia.



Bentuk bumi seperti telur burung unta.

Imam ar-Razi menjelaskan bahawa langit diciptakan selepas penciptaan bumi, bumi sememangnya diciptakan seperti *kurah mujtamiyah* (كُرَّةٌ مُجْتَمِعَةٌ) iaitu bulatan yang bergabung kemudian

diluaskan dan dihamparkan. Imam ar-Razi telah menjelaskan bahawa bumi berbentuk *kurah* (bola).

Zakir Naik dan Zaghlul an-Najjar merujuk kepada sudut leksikologi, yang mana salah satu makna perkataan ialah دُحَى tempat telur burung unta. Telur burung unta berbentuk *spherical* iaitu separa bulat.

**كَوْرَ**: ( فعل )

- كَوْرَ يَكُورُ ، تَكْوِيرًا ، فَهُوَ مُكَوَّرٌ ، وَالْمَفْعُولُ مُكَوَّرٌ
- كَوْرَ الْعَيَّامَةُ عَلَى رَأْسِهِ : لَفَّهَا ، أَذَارَهَا
- كَوْرَ الشَّيْءَ : لَفَّهُ عَلَى جَهَةِ الْإِسْتَدَارَةِ
- كَوْرَ الْمَاتَعَ : أَلْقَى بِعَضَهُ عَلَى بَعْضٍ أَوْ جَمِيعِهِ وَشَدَّهُ
- كَوْرَ فَلَانًا : صَرَّعَهُ أَوْ طَعَنَهُ فَأَلْقَاهُ
- كَوْرَ اللَّهُ الْلَّيْلَ عَلَى النَّهَارِ : أَدْخَلَ هَذَا فِي هَذَا

Dalam surah az-Zumar Allah S.W.T berfirman:

﴿خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ يُكَوِّرُ أَيَّلَ عَلَى النَّهَارِ  
وَيُكَوِّرُ النَّهَارَ عَلَى أَيَّلٍ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ  
كُلُّ يَجْرِي لِأَجْكَلٍ مُسْكَنٌ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ﴾

Maksudnya: Dia menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar; Dia menjadikan malam melingkari siang (dengan gelapnya) dan menjadikan siang melingkari malam (dengan cahayanya) dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan menurut waktu yang ditentukan. Ingatlah Dialah yang Maha Perkasa lagi

*Maha Pengampun. (Surah az-Zumar 39: 5)*

Perkataan كُوَرْ digunakan dengan makna yang mirip kepada bulat seperti melilit serban di kepala yang bulat, melipat sesuatu secara membulat, memasukkan malam ke dalam siang atau siang kepada malam seharusnya secara membulat.

Sebahagian daripada ahli astronomi pada hari ini berpendapat bahawa bumi bukan berbentuk separa bulat bahkan berbentuk datar dan leper. Mereka mengemukakan beberapa hujah ilmiah. Mereka menyanggah hujah-hujah yang mengatakan bumi berbentuk separa bulat.

Ilmu kemukjizatan al-Quran amat penting dalam menangani isu-isu seperti ini. Adakah keterangan al-Quran tentang bumi separa bulat telah *qat'iyyah dilalalah* atau masih *dzanniah*. Para sarjana Muslim perlu memuktamadkannya dengan keterangan daripada al-Quran. Ini kerana kebanyakan keterangan al-Quran tentang saintifik kesemuanya tepat dan benar.

Penulis berpandangan perkataan كُوَرْ yang digunakan oleh al-Quran dalam ayat Surah az-Zumar menjadi hujah yang penting dalam mensabitkan bumi ialah separa bulat. Perkataan ini digunakan dalam syair-syair Arab lama dengan makna bulat. Di samping itu, sebahagian sarjana Muslim menyatakan bahawa bumi itu bebentuk separa bulat telah diijmak oleh para ulama Muslim yang lampau seperti Ibn Hazm dan ahli astronomi Muslim yang lain.



## Fizikal Bumi

- Bumi merupakan planet ketiga daripada matahari.
- Planet bumi telah terbentuk kira-kira 4.54 bilion tahun yang lampau dan kehidupan muncul di permukaan bumi dalam tempoh satu bilion tahun. Bumi dijangka sudah berusia selama 4,600 juta tahun.
- Jarak bumi dengan matahari adalah 149.6 juta kilometer.
- Bumi mempunyai lapisan udara dan medan magnet yang dipanggil magnetosfera yang melindungi permukaan bumi daripada angin suria, sinaran ultra merbahaya dan radiasi daripada angkasa lepas. Lapisan udara ini menyelitupi bumi sehingga ketinggian 700 kilometer dan yang selebihnya adalah angkasa lepas. Lapisan udara ini dibahagi kepada Troposfera, Stratosfera, Mesosfera, Termosfera dan Eksosfera.
- Bumi mempunyai jisim seberat 59,760 juta tan, dengan luas permukaan 510 juta km persegi.
- Ketumpatan bumi pada 5,500 kilogram setiap meter persegi, digunakan sebagai unit perbandingan ketumpatan berbanding planet yang lain, dengan ketumpatan bumi sebagai 1.
- Bumi mempunyai garis pusat sepanjang 12,756 kilometer.
- Graviti bumi diukur sebagai  $10 \text{ N kg}^{-1}$  dijadikan unit ukuran graviti planet lain.
- Bumi mempunyai 1 satelit asli iaitu bulan.
- 70.8% permukaan bumi diseliputi air.
- Udara bumi terdiri daripada 78% nitrogen, 21% oksigen, dan 1% wap air, karbon dioksida dan gas lain.

KAUNIAH  
10

## LANGIT BERFUNGSI SEBAGAI PENGEMBALI

Firman Allah S.W.T:

وَالسَّمَاءُ ذَاتُ الرَّجْعٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: Demi langit yang mengandungi hujan.  
(Surah at-Thariq 86: 11)

Kebanyakan ahli tafsir menjelaskan maksud ayat di atas merujuk kepada fungsi langit menurunkan hujan. الرَّجْعُ ditafsirkan sebagai hujan. Ayat 17 Surah al-Mukminun menyatakan bahawa Allah S.W.T menjadikan langit sebanyak tujuh lapisan. Firman Allah S.W.T:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كُنَّا عِنْ الْخَلْقِ غَفِيلِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan di atas kamu tujuh buah jalan (tujuh buah langit), dan Kami tidaklah lalai daripada (menyediakan keperluan) makhluk-makhluk Kami. (Surah al-Mukminun 23: 17)

Perkataan طرائق ialah kata jamak daripada yang bermaksud lapisan sepetimana kain yang disusun berlapis-lapis. Dengan kemajuan sains dan teknologi pada hari ini, para sarjana telah menyimpulkan bahawa langit terdiri daripada beberapa lapisan iaitu:

1. Litosfera.
2. Stratosfera.
3. Ozonesfera.
4. Mesosfera.
5. Ionomesfera.
6. Termosfera.
7. Eksosfera.

Penulis tertarik kepada penggunaan perkataan الرَّجْعُ dalam Surah at-Thariq. Perkataan الرَّجْعُ berasal daripada perkataan رَجَعَ yang bermaksud kembali atau mengembalikan. Antara fungsi langit yang penting ialah mengembalikan.

Pada lapisan Litosfera, ia akan mengembalikan air yang disejat daripada bumi ke bumi sebagai hujan.

Pada lapisan Ozonesfera ia mengembalikan sebahagian besar sinar *ultraviolet* dan radiasi berbahaya.


Lapisan Mesosfera merupakan lapisan yang melindungi bumi daripada meteor yang jatuh ke bumi. Umumnya meteor akan terbakar pada lapisan ini dan dikembalikan ke angkasa.

Pada lapisan ionosfera dan termosfera di atmosfera bumi satelit mengembalikan isyarat radio dari permukaan bumi ke permukaan bumi. Ini membolehkan teknologi GPS dan siaran televisyen serta alat-alat komunikasi lain dimanfaatkan.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam perbahasan ini ialah perkhabaran al-Quran yang mendahului penemuan sains dan

teknologi. Ayat Surah at-Thariq dan Surah al-Mukminun diturunkan ketika manusia belum mengetahui tentang lapisan langit dan fungsinya. Tambahan pula, perkataan al-Quran iaitu **الرَّجْعُ** menjelaskan fungsi penting langit yang memberi manfaat kepada manusia.

Mengapakah al-Quran boleh menjelaskan hal ehwal alam seperti ini? Tidak lain dan tidak bukan, ini kerana Allah S.W.T yang menurunkan al-Quran dan DiaLah yang menjadikan alam ini. Justifikasinya, ini membuktikan kewujudan Allah S.W.T. Secara analogi, dalam keadaan tiada siapa pun yang boleh menjelaskan bagaimana sesuatu alat itu dicipta, pasti ada yang boleh menjelaskannya iaitu yang menciptakannya. Dalam keadaan tiada siapa pun yang boleh menjelaskan tentang fungsi langit, Allah S.W.T menjelaskannya dalam al-Quran. Ini kerana DiaLah yang mencipta langit sudah pasti dia boleh menjelaskannya.



Lapisan atmosfera bumi.

KAUNIAH  
11

## LANGIT BERFUNGSI SEBAGAI ATAP

Firman Allah S.W.T:

﴿ وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقْفًا مَحْفُظًا وَهُمْ عَنْ ءَايَاتِنَا مُعْرِضُونَ ﴾

٢٦

Maksudnya: *Dan Kami menjadikan langit itu sebagai atap yang terpelihara, sedang mereka berpaling dari segala tanda-tanda (kekuasaan Allah) yang terdapat padanya.* (Surah al-Anbiya' 21: 32)

Al-Quran menjelaskan bahawa langit diibaratkan seperti atap yang memelihara sebuah rumah. Para saintis astronomi pada kurun ke-20 menyatakan langit merupakan lapisan atmosfera yang memelihara bumi. Tanpa langit atau lapisan atmosfera akan menatijahkan kemasuhan kepada bumi. Justeru, langit memainkan peranan penting bagi memastikan kestabilan di permukaan bumi. lapisan langit juga memelihara bumi daripada suhu sejuk dan beku di angkasa lepas. Suhu di angkasa lepas ialah -270 darjah celcius.

Para saintis juga telah menemui lapisan yang disebut Van Allen (Van Allen *radiation belt*) iaitu salah satu daripada sekurang-kurangnya dua lapisan zaraf beras atau bertenaga (plasma) yang ditetapkan di sekeliling bumi oleh medan magnet

bumi. Lapisan ini merentang daripada altitud (ketinggian) kira-kira 1,000 hingga 60,000 kilometer di atas permukaan bumi dan dalam kawasan ini tahap radiasi berubah-ubah. Kebanyakan zarah yang membentuk lapisan ini dikatakan berasal daripada angin suria dan zarah-zarah lain daripada sinar kosmos.

Langit ciptaan Allah S.W.T merupakan ciptaan yang unik. Keindahan langit yang dapat kita perhatikan sama ada pada waktu malam atau siang hakikatnya berfungsi memelihara bumi yang terdedah kepada ancaman dan marabahaya daripada luar. Contohnya, tenaga daripada letusan matahari mempunyai



## Langit


Perkataan **langit** disebut dalam al-Quran sebanyak 319 kali.

Perkataan السَّمَاءُ sebanyak 129 kali dan perkataan السَّمَاوَاتِ sebanyak 190 kali.

- ▶ Langit ditakrifkan sebagai zon bergas lebih mampat di atmosfera planet bumi.
- ▶ Pada waktu malam, langit kelihatan seperti permukaan atau kawasan hitam yang ditaburi bintang.
- ▶ Pada waktu siang matahari kelihatan di langit melainkan dililiti awan.
- ▶ Di langit malam (dan adakalanya pada waktu siang) bulan, planet dan bintang kelihatan di langit. Sesetengah fenomena semula jadi yang kelihatan di langit termasuk awan, pelangi, dan aurora. Kilat juga dapat kelihatan di langit.
- ▶ Dalam bidang astronomi, langit juga dipanggil sfera cakerawala, iaitu sebuah kubah khayal sepetimana matahari, bintang-bintang, planet-planet dan bulan yang kelihatan bergerak.

kekuatan 100 kali ganda bom atom yang meletus di Nagasaki dan Hiroshima. Andai tiada lapisan Van Allen nescaya akan berlaku kemusnahan kepada bumi. Ringkasnya, langit dijadikan oleh Allah S.W.T dengan sistem yang amat sempurna untuk membolehkan manusia menikmati kehidupan di atas muka bumi ini.

Maha Suci Allah S.W.T yang menciptakan langit dengan fungsinya yang sangat unik. Allah S.W.T yang menciptakan segalanya ini dengan penuh ketertiban dan Dialah yang Maha Mengetahui akan segala rahsianya dan Dialah juga yang mengkhabarkan perkhabaran ini dalam al-Quran yang merupakan kalam-Nya yang Maha Tinggi.



**Medan magnet Bumi.**

Ketika mana manusia belum mengetahui akan rahsia fungsi langit, al-Quran telah mengisyaratkannya dengan beberapa baris ayat yang membuka minda akal manusia untuk mengkaji dan membongkar rahsianya. Ketika al-Quran diturunkan manusia hanya memerhatikan langit yang diciptakan-Nya, ketika itu jugalah al-Quran mencabar manusia untuk meneroka rahsia langit. Firman Allah S.W.T:

﴿ يَمْعَشَ الْجِنُّ وَالْإِنْسِ إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَفْنُدُوا مِنْ أَقْطَارٍ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ كَإِلَّا سُلْطَنٌ ﴾ ٣٣

Maksudnya: Wahai jin dan manusia, jika kamu sanggup menembusi (melintasi) penjuru langit dan bumi, maka lintasilah. kamu tidak dapat menembusinya kecuali dengan kekuatan. (Surah ar-Rahman 55: 33)

KAUNIAH  
12

## GUNUNG YANG MENJADI PASAK BUMI

**G**unung-ganang dan bukit bukau ialah makhluk ciptaan Allah S.W.T yang dituntut untuk diperhatikan. Firman Allah S.W.T:

﴿ وَإِلَى الْجَبَالِ كَيْفَ نُصِّبَ ﴾ ١٩

Maksudnya: (*Tidakah kamu perhatikan*) *Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan?* (Surah al-Ghasiyah 88: 19)

Gunung dan banjaran gunung terbentuk adalah disebabkan pergerakan lapisan kerak bumi yang bertembung. Sekiranya kedua-dua kerak bumi menjulang naik, banjaran gunung terhasil, sebaliknya sekiranya salah satu kerak bumi terlipat bawah kerak yang lain, gunung berapi terhasil.

Al-Quran juga menjelaskan fungsi gunung sebagai pasak dan peneguh kepada bumi. Firman Allah S.W.T:

﴿ أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْنَدًا ۚ وَالْجَبَالُ أَوْتَادًا ۖ ﴾ ٦


Maksudnya: *Bukankah Kami telah menjadikan bumi (terbentang luas) sebagai hamparan? (6) Dan gunung-*

*ganang sebagai pancang pasaknya? (Surah an-Naba' 78: 6-7)*

﴿وَالْقَنَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوَسِيٰ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَرَأَ وَسْبُلًا  
لَعَلَّكُمْ تَهتَدُونَ﴾ 10

Maksudnya: *Dan Dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu dan Dia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju.* (Surah an-Nahl 16: 15)


Perkataan رَوَاسِيٰ dan أَوْتَادٌ yang digunakan oleh al-Quran bertepatan dengan penemuan para sarjana dalam bidang geografi masa kini. Frank Press dalam bukunya *Earth* menyatakan, “Bahaha gunung-gunung mempunyai akar di bawahnya. Akar ini menjunam dalam, sehingga seolah-olah gunung-gunung



**Proses pembentukan gunung terhasil daripada pergerakan pada kerak bumi (continental crust).**

mempunyai bentuk seperti pasak.” Para sarjana juga telah membuktikan bahawa gunung-gunung memiliki akar di dalam tanah hasil daripada proses pembentukan gunung.

Proses pembentukan gunung terhasil apabila berlaku pergerakan pada kerak bumi. Akar gunung mencapai kedalaman yang berlipat kali ganda dari ketinggiannya di atas permukaan tanah. Justeru, ungkapan yang paling tepat untuk menggambarkan gunung-gunung berdasarkan informasi ini ialah ungkapan pasak. Sebagaimana pasak yang digunakan untuk menahan sesuatu agar kukuh, gunung-ganang juga memiliki fungsi penting dalam menstabilkan kerak bumi. Secara analogi yang lebih mudah, gunung ibarat paku yang memaku lapisan kerak bumi yang menjadikannya saling berpegangan dan kukuh. Bumi akan stabil dan tidak terhayun.



**Lapisan siang (lapisan atmosfera) yang kelihatan jika dilihat daripada satelit.**

Daripada perspektif al-Quran, gunung-ganang, bukit bukau, tumbuh-tumbuhan dan segala isi bumi diciptakan oleh Allah S.W.T dalam masa dua hari. Gunung-ganang dicipta selepas

penciptaan bumi. Allah S.W.T mencipta bumi dalam tempoh dua hari, segala isinya juga dalam tempoh dua hari dan Allah mencipta langit dan segala isinya dalam tempoh dua hari. Firman Allah S.W.T:

﴿ قُلْ أَيُّتُكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِاللَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَجَعَلَهُنَّا  
لَهُ، أَنَّدَادًا ذَلِكَ رَبُّ الْعَالَمَيْنَ ﴾ ٩

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad), “Sungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagi-Nya! Yang demikian (sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan sekalian alam. (Surah Fussilat 41: 9)

Firman Allah Taala:

﴿ وَجَعَلَ فِيهَا رَوْسِيَّ مِنْ فَوْقَهَا وَنَرَكَ فِيهَا وَقَدَرَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي  
أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً لِلسَّابِلَيْنَ ﴾ ١٠

Maksudnya: Dan Dia menjadikan di bumi gunungan yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya dan Dia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa. (Surah Fussilat 41: 10)

Allah S.W.T juga menjelaskan tentang hari kiamat yang mana gunung-ganang akan dihancurkan, Firman Allah S.W.T:

﴿ وَبُسْتَ الْجِبَالُ بَسًا ﴾ ﴿ فَكَانَتْ هَبَاءً مُّنْهَثًّا ﴾ ٥٦

Maksudnya: *Dan gunung-ganang dihancur-leburkan dengan selebur-leburnya (5) lalu menjadilah ia debu yang bertebaran.* (Surah al-Waqiah 56: 5-6)

Allah S.W.T menggunakan perkataan **أَلْقَى** bagi menjelaskan penciptaan gunung. Perkataan **أَلْقَى** bermaksud membuang atau meletak sesuatu kemudian akan diambil semula. Allah S.W.T yang membuang atau meletak gunung selepas penciptaan bumi, Dia jualah yang mencabut dan menghancurkannya apabila berlaku kiamat. Apabila gunung dimusnahkan maka bumi pasti akan musnah.

Kemukjizatan al-Quran yang disimpulkan daripada perbincangan di atas ialah perkhabaran al-Quran yang berkaitan dengan perkara *geografi saintifik* adalah terbukti benar. Al-Quran telah mengisyaratkan perkara di atas ribuan tahun yang lampau yang ketika itu belum diketahui oleh manusia. Di samping itu, juga perkataan yang digunakan oleh al-Quran juga sangat tepat dan mendalam. Kerana itu bahasa al-Quran mempunyai nilai kemukjizatan tersendiri. Firman Allah S.W.T:

﴿ بِلِسَانٍ عَرَبِيًّا مُّبِينٌ ﴾ ١٩٥

Maksudnya: (*Ia diturunkan*) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata. (Surah asy-Syu'ara' 26: 195)

## KAUNIAH 13

# GUNUNG YANG BERGERAK

**A**l-Quran kitab suci yang sarat dengan ilmu pengetahuan. Al-Quran menjelaskan tentang alam yang menjadi tanda kebesaran Allah S.W.T. Al-Quran menganjurkan kepada orang beriman agar berfikir dan menaakul kenyataan-kenyataannya.

Begitu banyak ayat dalam al-Quran yang diketengahkan dengan gaya bahasa yang menyuruh orang beriman agar berfikir, melihat dan mengkaji. Banyak ayat al-Quran yang menggunakan gaya bahasa seperti berikut:

**أَفَلَا تَعْقِلُونَ**

“Tidakkah kamu menggunakan akal fikiran?”

**أَفَلَا تَتَكَبَّرُونَ**

“Apakah kamu semua tidak berfikir?”


**لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ**

“Semoga kamu menggunakan akal fikiran.”

**أَوَلَمْ يَرَى**

“Tidakkah kamu memerhatikan...?”

Antara contoh jelas dalam al-Quran yang mana Allah S.W.T menyuruh kita berfikir dan mencari rahsia di sebaliknya



Pergerakan benua dan susunan benua akan berubah seiring berjalannya waktu. Lautan Atlantik secara bertahap akan meluas manakala Lautan Pasifik semakin menyempit.

ialah ayat dalam Surah an-Naml ayat 88 yang mana dalam ayat tersebut Allah S.W.T menjelaskan tentang gunung-ganang yang kamu lihat statik tidak bergerak tetapi sebenarnya ia bergerak sepertimana pergerakan awan yang kamu nampak jelas pergerakannya. Firman Allah S.W.T:

﴿ وَرَى الْجَبَالَ تَحْسِبَهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مِنَ السَّحَابِ صُنْعَ اللَّهِ  
الَّذِي أَنْقَنَ كُلَّ شَيْءٍ إِنَّهُ خَيْرٌ بِمَا تَفَعَّلُونَ ﴾ ٨٨

Maksudnya: *Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap-tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya. Sesungguhnya Dia amat mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.* (Surah an-Naml 27: 88)

Ayat ini telah mengisyaratkan teori “Continental Drift” (teori pergerakan benua). Pada tahun 1912, sarjana Jerman Alfred Wegener menyatakan bahwa benua atau daratan itu pada satu waktu terhubung antara satu sama lain. Gunung yang menjadi pasak kepada bumi sudah pasti bergerak sehingga menghasilkan teori gerakan benua.

Pergerakan benua dan susunan benua akan berubah seiring berjalannya waktu. Pergeseran atau pergerakan benua adalah satu proses yang berterusan dengan pergerakan beberapa sentimeter per tahun. Lautan Atlantik secara bertahap akan meluas manakala Lautan Pasifik semakin menyempit.

Penulis berpendapat ayat ini mengisyaratkan pergerakan bumi sama ada berputar atau pergerakan mengelilingi matahari.

Ini kerana apabila gunung yang merupakan pasak kepada bumi bergerak maka sudah pasti bumi itu sendiri akan bergerak. Pergerakan bumi dalam bentuk putaran menghasilkan siang dan malam atau sehari di bumi iaitu 24 jam. Manakala pergerakan bumi mengelilingi matahari selama 365 hari bersamaan setahun.

Nilai kemukjizatan dalam ayat ini ialah kemukjizatan saintifik yang mana fakta al-Quran mendahului penemuan para sarjana. Allah SWT yang menurunkan al-Quran sudah pasti menerangkan sesuatu yang benar tentang alam ini. Ini kerana yang menjadikan alam ini ialah Allah SWT.

KAUNIAH  
14

## GUNUNG BERWARNA WARNI

Firman Allah S.W.T:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ، ثُمَّرَتِ الْمُخْلَفًا  
الْوَاهِنًا وَمِنَ الْجِبَالِ جَدُودٌ يَضْ وَحْمَرٌ مُخْتَلِفُ الْوَهْنَاتِ  
وَغَرَبَيْبُ سُودٌ﴾ ٢٧

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahwa Allah menurunkan hujan daripada langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam. (Surah Fatir 35: 27)

﴿وَمِنَ النَّاسِ وَالدَّوَابِ وَالْأَنْعَمْ مُخْتَلِفُ الْوَهْنَاتِ،  
كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ  
غَفُورٌ﴾ ٢٨

Maksudnya: *Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya. Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dalam kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Pengampun.* (Surah Fatir 35: 28)

Apabila kita membaca ayat-ayat ini mungkin kita tertanya-tanya apakah ada gunung yang berjelur putih dan merah atau gunung yang pelbagai warna. Dalam kalangan spesies manusia mungkin kita biasa melihat kulitnya yang putih, putih kuning, putih merah, hitam, sawo matang dan lain-lain. Begitu juga binatang yang pelbagai warna yang biasa kita lihat namun, apabila al-Quran berbicara tentang gunung yang berwarna-warni mungkin kita belum pernah melihatnya. Orang yang beriman pasti yakin ada rahsia disebaliknya.

Ketika al-Quran diturunkan tiada siapa yang mengetahui tentang gunung yang berwarna-warni. Penulis menelusuri tulisan Imam al-Qurtubiy dan Imam at-Thabariy dalam kitab tafsir mereka yang muktabar namun, tulisan mereka lebih menjurus kepada aspek bahasa, tidak dijelaskan di mana gunung tersebut, mungkin belum diketahui kewujudannya. Para Mufassir tetap yakin akan kewujudannya lantaran keimanan dan keyakinan mereka terhadap kebenaran al-Quran al-Karim.

Mutakhir ini atau dalam era sains dan teknologi pada hari ini, banyak kenyataan al-Quran telah terbukti kebenarannya. Benarlah janji Allah S.W.T yang akan memperlihatkan tanda-tanda kebesarannya. Firman Allah S.W.T:



***Rainbow Mountain di Zhangye Danxia National Park di Gansu, di barat daya China.***

سَرِّيْهُمْ إِيْتَنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ  
لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوْ لَمْ يَكُفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ



Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Belumkah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?* (Surah Fussilat 41: 53)

Rainbow Mountain di pergunungan Zhangye Danxia, di China, kita dapat melihat dengan jelas keajaiban ciptaan Allah SWT, gunung yang berwarna-warni atau dikenali dengan gunung pelangi. Ia ditemui oleh penduduk setempat dan kini menjadi kawasan pelancongan yang popular. Zhangye Danxia Scenic Spot ini telah diisytiharkan oleh UNESCO sebagai *World Heritage* pada tahun 2010.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam ayat ini ialah bagaimana al-Quran melemahkan musuh Islam yang cuba mengaitkan unsur-unsur dongeng dalam al-Quran. Gunung-ganang yang berwarna-warni seolah-olah bertentangan dengan warna gunung yang biasa dilihat iaitu hitam atau keputihan namun, kebenaran al-Quran terzahir apabila gunung-ganang yang berwarna-warni sememangnya wujud, ia bukan dongengan atau perkhabaran sia-sia daripada al-Quran.

## KAUNIAH 15

### LAUTAN YANG TERPISAH

**L**autan meliputi 71% peratus daripada keluasan bumi. Lautan yang membiru memberi pemandangan yang indah kepada mata manusia. Ia juga merupakan sebahagian tanda kebesaran Allah S.W.T. Antara kenyataan al-Quran tentang lautan yang menarik perhatian para pengkaji ialah dua lautan yang tidak terpisah. Firman Allah S.W.T:

﴿مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْقَيَانِ بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ﴾ (١٩)

Maksudnya: *Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu. (19) Di antara kedua-duanya ada penyehat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadan.* (Surah ar-Rahman 55: 19-20)

Imam ar-Razi menjelaskan perkataan **يَبْغِيَانِ** digunakan secara metafora atau **إِسْتِعَارَةٍ** yang mana antara dua lautan tersebut tidak akan mengganas antara satu sama lain (terpisah).

Kenyataan al-Quran ini juga telah dieksplorasi oleh musuh Islam untuk menimbulkan keraguan tentang al-Quran namun, kenyataan al-Quran berkaitan dua lautan yang bertemu tetapi terpisah telah berjaya ditemui oleh para pengkaji di Teluk Alaska.

Penemuan ini juga mendapati dua lautan tersebut berbeza dari sudut kemasinannya yang mana salah satunya lebih masin daripada yang lainnya. Di samping itu, terlihat jelas benteng atau barzakh yang memisahkan antara dua lautan.

Kenyataan al-Quran terbukti benar. Para pengkaji ilmu kemukjizatan al-Quran telah membuat kesimpulan bahawa semua ayat al-Quran terbukti benar. Hanya berbaki 20% yang berupa ayat-ayat berkaitan kiamat, syurga, neraka dan perkara *sam'iyyat* yang lain. Secara logiknya, jika 80% telah terbukti benar maka bakinya juga pasti akan benar. Penghujahan daripada sudut logik amat efisyen dalam menyampaikan aqidah Islam dengan mengaitkannya dengan ilmu kemukjizatan al-Quran.



Fenomena dua laut bertemu tetapi terpisah airnya di Teluk Alaska.

KAUNIAH  
16

## AIR LAUT YANG MASIN TERPISAH DARIPADA AIR SUNGAI YANG TAWAR

Firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أَجَاجٌ  
وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجَرًا مَحْجُورًا ﴿٥٣﴾

Maksudnya: *Dan Dialah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga dan yang satu lagi masin lagi pahit, serta Dia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.* (Surah al-Furqan 25: 53)

Imam Fakhruddin ar-Razi memberi tafsiran dan huraian seperti berikut berkaitan ayat ini:

1. مَرَجَ bermaksud: air yang dilepaskan dan bercampur (tetapi terpisah).
2. بَحْرَيْنِ bermaksud: dua kawasan air yang luas.
3. عَذْبٌ فُرَاتٌ bermaksud: air yang bersangatan tawarnya dan terkadang terasa sedapnya.



Jacques Yves Cousteau.

Sungai di dasar lautan.

4. مَلْحُ أَجَاجٍ bermaksud: bersangatan masinnya.
5. Allah SWT dengan qudrat-Nya menghalang dua air ini bercampur.
6. Tiada air laut yang tawar justeru, yang dimaksudkan di sini ialah air yang berpunca daripada *wadi* (mata air) seperti Sungai Nil. Kedua jenis air ini pasti terpisah disebabkan faktor bumi yang semula jadi.

Sungai dan lautan akan pasti terpisah jika dilihat di permukaan bumi. Sungai yang mengalir ke lautan akan terlihat jelas pemisahan kedua-duanya. Bahkan hidupan dalam sungai tidak akan terlepas ke lautan dan begitulah sebaliknya. Terdapat benteng yang memisahkan antara kedua-duanya.

Fenomena sungai di bawah lautan juga termasuk dalam pengertian ini. Kisah seorang *oceanographer* terkenal iaitu Jacqueus Yves Costeau yang menjumpai sungai di dasar lautan yang mana sungai tersebut kekal dengan rasanya yang tawar dan sama sekali tidak bercampur dengan air lautan. Penemuannya menjadi asbab sinaran hidayah Islam menyinari kehidupannya selepas berdiskusi dengan seorang sarjana Muslim yang menyatakan bahawa fenomena tersebut telah dinyatakan dalam al-Quran.

## KAUNIAH 17

### AIR DAN KEHIDUPAN

**A**ir ialah makhluk ciptaan Allah S.W.T yang dengannya manusia boleh hidup dan menikmati kehidupan ini. Tubuh manusia juga terdiri daripada komponen air. Hampir 70% daripada tubuh badan manusia terdiri daripada komponen air.

Tanpa air manusia tidak dapat meneruskan kehidupan. Allah S.W.T yang menurunkan air dari langit, Dia jualah yang mengeluarkan air dari bumi justeru, Allah S.W.T mencabar manusia yang kufur, siapakah yang dapat mendatangkan air jika Allah S.W.T mengeringkannya? Firman Allah S.W.T:

﴿ قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاءً كُثُرًا فَنَيَّتْكُمْ بِمَا لَمْ يَعِينُ ﴾  
٦٧

Maksudnya: Katakanlah lagi, “Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (di telan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?” (Surah al-Mulk 67: 30)

Dari perspektif al-Quran, Allah menjelaskan bahawa daripada air adanya kehidupan. Hal ini dikhaskan oleh al-Quran ketika Allah S.W.T menjelaskan tentang permulaan penciptaan alam. Firman Allah S.W.T:

﴿أَوَمَّا يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا إِفْلًا يُؤْمِنُونَ﴾  
 ٢٠

Maksudnya: *Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan daripada air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?* (Surah al-Anbiya' 21: 30)

Ayat ini menjelaskan tentang teori *The Big Bang*. Teori ini menyimpulkan asal kejadian alam yang mana langit dan bumi pada asalnya bercantum sehingga berlaku letusan yang memisahkannya. Di hujung ayat ini Allah S.W.T menyatakan bahawa daripada air adanya kehidupan.

Apakah ada air di planet yang lain? Apakah ada air di bintang yang lain? Untuk mensabitkan adanya kehidupan di planet yang lain hendaklah dibuktikan dahulu apakah ada air di planet tersebut? Saintis telah menemukan unsur air pada batu *niazek* (batu bintang). NASA telah menemui air di planet Marikh, namun kewujudannya tidak berterusan.<sup>15</sup>

Nilai kemukjizatan dalam perbincangan ini ialah bagaimana al-Quran mengisyaratkan perkara asas dalam sesuatu pengkajian. Asas ini akan membuka jalan kepada manusia untuk berfikir dan menggunakan kebijaksanaan akalnya. Oleh sebab itu al-Quran ialah kitab yang menyuruh manusia berfikir dan menaakul dan seterusnya mengaitkannya dengan kebesaran Allah S.W.T. Harus

<sup>15</sup> <https://www.nasa.gov/press-release/nasa-confirms-evidence-that-liquid-water-flows-on-today-s-mars>.

diingat, al-Quran bukan sebuah buku sains atau buku astronomi tetapi al-Quran ialah kitab al-hidayah, kitab yang mengajak manusia melihat tanda kebesaran Allah S.W.T. Para sarjana Muslim sering menyebut, “*Al-Quran is not a book of science but a book of sign.*”



## Planet Marikh

- Marikh (Mars) merupakan planet yang keempat letaknya dari matahari dalam sistem suria.
- Marikh terkenal dengan warna permukaannya yang merah apabila dilihat dari langit, terutamanya pada waktu malam.
- Pelbagai usaha daripada banyak negara untuk menerokai planet Marikh.
- Marikh mempunyai diameter 6,670 km.
- Marikh mempunyai muka bumi berbatu sama seperti bumi.
- Ia terbentuk pada masa yang lebih kurang sama walaupun saiz ukur lilit planet itu hanya separuh saiz bumi.
- Ia mempunyai keluasan daratan hampir sama dengan bumi kerana satu pertiga kawasan bumi adalah daratan.
- Seperti bumi, Marikh juga mempunyai lapisan atmosfera tetapi ia terlalu nipis.



Peralatan canggih yang digunakan untuk mengenalpasti kewujudan air di planet Marikh.

KAUNIAH  
18

## LAUT MATI KAWASAN TERENDAH

Laut Mati merupakan tasik air masin yang terdalam dengan kedalaman 330m. Ia berukuran 67km panjang dan 18km lebar. Airnya mempunyai kemasinan kedua tertinggi di dunia selepas Laut Assal di Djibouti, dengan kemasinan sebanyak 33.7% iaitu lebih kurang 8.6 kali ganda lebih masin daripada laut biasa. Oleh sebab itu, tiada satu pun hidupan yang boleh hidup di dalamnya dan kapal tidak boleh berlayar di atas permukaannya.

Laut Mati atau *al-Bahr al-Maiyyit* yang terletak di Jordan sekarang telah dijelaskan kedudukan fizikalnya oleh al-Quran al-Karim. Firman Allah Taala:

﴿ غُلَبَتِ الرُّومُ ﴾١ فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلَبِهِمْ  
 سَكَعَلَبُونَ ﴿ ٢﴾ فِي يَضْعُفِ سِينَتِ اللَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلِهِ  
 وَمِنْ بَعْدِهِ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ ﴿ ٣﴾ بِنَصْرِ اللَّهِ  
 يَصْرُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَكْبَرُ الرَّحِيمُ ﴿ ٤﴾

Maksudnya: Orang-orang Rom telah dikalahkan. (2) Di negeri yang dekat sekali dan mereka sesudah kekalahan itu akan mengalahkan lawannya. (3) Dalam masa tidak sampai sepuluh tahun. Kepada pentadbiran Allah jualah

*terpulang segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya dan pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang-orang yang beriman akan bergembira. (4) Dengan kemenangan yang diberi Allah. Dia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah jua yang Maha Kuasa lagi Maha Mengasihani (5). (Surah ar-Rum 30: 2-5)*

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran ini, para Mufassirin menjelaskan bahawa tempat berlakunya perperangan antara tentera Rom dan Parsi ialah di kawasan yang berhampiran dengan Laut Mati iaitu antara Azri'at dan Busra, di negeri Syam (Jordan sekarang). Pada tahun 619 Masihi, meletus perperangan sengit antara Rom dan Parsi. Tentera Rom telah dikalahkan.

Selepas tujuh tahun iaitu pada tahun 626 Masihi, sekali lagi meletus perperangan sengit yang mana tentera Rom yang dipimpin oleh Herkulis telah menewaskan tentera Parsi. Pada tahun tersebut juga tentera Islam telah berjaya menewaskan tentera Musyrikin Mekah yang diketuai oleh Abu Jahal dalam perperangan Badar.

Surah ar-Rum ialah surah Makkiyah kecuali ayat ke-17. Ini bererti al-Quran menjelaskan perkhabaran peristiwa akan datang dan ternyata ia terbukti benar. Ketika turun ayat-ayat di atas, para sahabat seperti Sayidina Abu Bakar begitu gembira. Ini kerana, ayat-ayat ini mengkhabarkan tentang kemenangan tentera Rom dan kegembiraan<sup>16</sup> yang akan dikurniakan kepada orang-orang yang beriman.

---

<sup>16</sup> Orang Rom beragama Nasrani (agama samawi) berbeza dengan orang Parsi yang beragama Washaniy (menyembah api), justeru para sahabat bergembira dengan kemenangan Rom berbanding Parsi. Sebaliknya orang musyrikin Makkah lebih suka kemenangan berpihak kepada Parsi.



**LAUT MATI**, terletak di sempadan Jordan dan Palestin.

Kandungan garamnya begitu tinggi dengan 33.7% kemasinan, iaitu lebih kurang 8.6 kali ganda lebih masin daripada laut biasa.

Dalam ayat-ayat di atas, al-Quran telah menjelaskan kedudukan geografi Laut Mati. Al-Quran menggunakan perkataan **أَدْنَى الْأَرْضِ** iaitu kawasan terendah di muka bumi<sup>17</sup>. Di zaman sains dan teknologi pada hari ini, kawasan Laut Mati dapat dilihat dengan jelas melalui satelit yang mana kawasan ini merupakan kawasan terendah di permukaan bumi. Laut Mati terletak di kedudukan 392m lebih rendah daripada paras laut.

Dua nilai kemukjizatan diutarakan oleh al-Quran dalam ayat-ayat di atas iaitu kemukjizatan perkhabaran akan datang dan kemukjizatan saintifik geografi. Kemenangan tentera Rom yang mengalahkan tentera Parsi merupakan perkhabaran akan datang yang benar daripada al-Quran. Begitu juga bentuk muka bumi terendah di Laut Mati yang menjadi medan pertempuran antara tentera Rom dan tentera Parsi juga dijelaskan oleh al-Quran. Kesemuanya terbukti benar.

---

17 Walaupun terdapat ahli tafsir yang menafsirkan ungkapan tersebut dengan maksud kawasan yang terdekat.

## KAUNIAH 19


### OMBAK DI DASAR LAUTAN

**I**ndahnya pantai dan lautan ciptaan Allah S.W.T. Allah S.W.T menyebut perkataan lautan dalam al-Quran sebanyak 33 kali. Ini mengisyaratkan banyak rahsia alam dalam lautan. Angin yang bertiup menatijahkan ombak yang menambah keindahan lautan. Allah menjelaskan fenomena ombak dalam Surah an-Nur ayat 40 yang telah memberi inspirasi kepada para pengkaji untuk meneroka alam lautan. Firman Allah S.W.T:

أَوْ كَظُلْمَتِ فِي بَحْرٍ لَّهِيَ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ، مَوْجٌ مِّنْ  
 فَوْقِهِ، سَحَابٌ ظُلْمَتُ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَكْدُهُ، لَمْ  
 يَكْدِ يَرَهَا وَمَنْ لَمْ يَجْعَلِ اللَّهَ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِنْ نُورٍ

Maksudnya: Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah *umpama* keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis – apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah mendapat cahaya (hidayah) maka dia tidak akan mendapat sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar). (Surah al-Nur 24: 40)

Ketika berada di tepian pantai, kita hanya memerhatikan ombak yang memukul pantai. Tiada siapa yang mengetahui akan kewujudan ombak di dasar lautan yang dalam, sedangkan al-Quran dengan jelas menyatakan “ombak yang di atasnya ombak.” Ketika al-Quran diturunkan tiada manusia yang mengetahui tentang fenomena ombak di dasar lautan. Orang beriman dituntut untuk meyakini bahawa kenyataan al-Quran




Cahaya masih jelas kelihatan pada kedalaman 30 meter.

pasti benar biarpun ia bercanggah dengan pandangan sesiapa jua, lebih-lebih lagi dalam kalangan musuh Islam.

Dalam zaman teknologi pada hari ini pelbagai fenomena lautan dapat dirungkaikan. Dengan peralatan teknologi masa kini membolehkan manusia menyelam hingga ke dasar lautan. Pada tahun 2013 para pengkaji telah berjaya menemui ombak dasar lautan di kedalaman 6,000m dengan ketinggian 300 hingga



**Kapal selam.**



**Ombak dasar lautan.**

500m yang mana ombak ini lebih kuat berbanding ombak di permukaan lautan. Al-Quran dengan gaya bahasa yang indah mengungkapkan, “Ombak daripada atasnya ombak, di sebelah atasnya pula awan tebal.”

Manusia pada awalnya hanya mampu menyelam hingga ke kedalaman 30m. Cahaya matahari masih boleh menembusi air lautan di kedalaman tersebut. Melalui perantaraan alatan teknologi hari ini, manusia mampu menghampiri dasar lautan sehingga ke kedalaman 1000m. Pada kedalaman ini tiada lagi cahaya, hanya cahaya daripada binatang laut yang mengeluarkan cahaya justeru, al-Quran menyatakan dengan gaya bahasa, “Hampir kamu tidak dapat melihat tanganmu sendiri.” Kegelapan lautan dalam semakin bertambah seiring dengan kedalamannya, justeru, al-Quran menggunakan gaya bahasa “kegelapan yang berlapis”.

Kenyataan al-Quran berkaitan dengan alam pasti benar, kenyataan al-Quran tentang lautan pasti benar. Ini kerana Dialah Allah S.W.T yang menurunkan al-Quran dan Dialah yang menjadikan lautan ini. Walaupun Nabi Muhammad S.A.W diriwayatkan tidak pernah menaiki kapal di lautan yang dalam.

KAUNIAH  
20

## API DALAM LAUTAN

Lautan yang luas membuktikan kekuasaan Allah S.W.T. Seseorang yang memerhatikan lautan luas pasti akan teruja lantas akan berfikir tentang penciptanya iaitu Allah S.W.T. Allah S.W.T yang mencipta lautan sudah pasti Maha Mengetahui tentangnya. Allah S.W.T menjelaskan tentang salah satu fenomena lautan. Firman Allah Taala:

وَالْطُّورِ ۚ وَكُتُبٍ مَسْطُورٍ ۚ فِي رَقٍ مَنْشُورٍ ۚ  
وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ۚ وَالسَّقْفِ الْمَرْفُوعِ ۚ وَالْبَحْرِ الْمَسْجُورِ  
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوْقَعٌ ۚ

Maksudnya: Demi Gunung Tursina. (1) Dan Kitab yang ditulis. (2) Pada lembaran yang terbuka. (3) Dan demi Baitul Ma'mur. (4) Dan atap yang ditinggikan (langit). (5) Dan laut yang di dalam tanahnya ada api. (6) Sesungguhnya azab Tuhanmu pasti terjadi (7). (Surah Tur 52: 1-7)

Maksud perkataan المسجور (المملوء) ialah penuh atau berapi (المُوقَد). Sebahagian Mufassir menggabungkan dua perkataan tersebut yang mana ia bermaksud laut yang penuh

dengan api. Partikel ‘waw’ berfungsi sebagai sumpah dan jawab sumpahnya ialah “sesungguhnya azab Tuhanmu pasti terjadi”. Fenomena laut yang berapi ialah contoh azab yang akan berlaku. Fenomena laut berapi dapat dilihat oleh mata manusia di dunia. Jika manusia menginsafi sudah pasti ia dapat menyelami azab sebenar di akhirat nanti.

Nilai kemukjizatan dalam ayat di atas ialah perkhabaran al-Quran mendahului penemuan para sarjana. Dalam era akhir zaman kini begitu juga zaman sains teknologi pada hari ini, pelbagai fenomena yang dikhabarkan oleh al-Quran telah dapat dilihat oleh manusia. Fenomena laut berapi telah dijumpai oleh para pengkaji. Api yang dapat dilihat dengan jelas keluar daripada lautan. Api yang tidak terpadam walaupun berada dalam air laut.



Laut berapi yang telah dijumpai oleh para pengunjung.



Gambaran fenomena laut berapi hasil penemuan para pengkaji.

KAUNIAH  
21

## FENOMENA SIANG DAN MALAM

Kejadian siang dan malam merupakan sebahagian daripada tanda kebesaran Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

﴿ وَمِنْ آيَاتِهِ الَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا سَجَدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلنَّهَارِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَأَسْجَدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقُهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانَكُمْ بَاطِلُونَ ﴾ ٣٧

Maksudnya: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah sembah matahari mahupun bulan, tetapi sembahlah Allah yang menciptakannya, jika Dia adalah yang kamu hendak sembah.* (Surah Fussilat 41: 37)


Firman Allah S.W.T:

﴿ وَإِيَّاهُ لَهُمْ أَيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ ﴾ ٣٧

Maksudnya: *Dan suatu tanda (kekuasaan Allah yang besar) bagi mereka adalah malam, Kami tanggalkan siang*



Lapisan siang (lapisan atmosfera) yang kelihatan dilihat dari satelit.



Gambaran siang dan malam.

*daripada malam itu, maka dengan serta-merta mereka berada dalam kegelapan. (Surah Yasin 36: 37)*

Siang dan malam yang bersilih ganti menatijahkan hari, bulan dan tahun. Kejadian siang dan malam membolehkan segala hidupan termasuk manusia menikmati sebuah kehidupan di atas muka bumi. Berdasarkan ayat 37 Surah Yasin dapat disimpulkan bahawa:

- i. Malam merupakan asal. Siang muncul selepas kegelapan malam.
- ii. Pertukaran siang dan malam seperti kulit yang disiat daripada badan. Perkataan نُّيَلٌ bermaksud سَلْخٌ iaitu menanggalkan. Malam terjadi apabila Allah menanggalkan siang daripada malam. Lapisan siang kelihatan pada atmosfera bumi. Ketebalan atmosfera bumi hanyalah 100km. Visual yang dicepatkan membolehkan kita melihat fenomena siang yang ditanggalkan daripada malam<sup>18</sup>. Bertepatan dengan penggunaan perkataan سَلْخٌ.

Firman Allah SWT:

﴿ وَهُوَ الَّذِي مَدَ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوْسِيًّا وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ أَثْمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ يُغْشِي أَلَيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya: *Dan Dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-*

18 <https://www.youtube.com/watch?v=gYPuqv8pRQo>.

*sungai padanya. Dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan, Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan. (Surah ar-Ra'd 13: 3)*

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah menutupkan malam kepada siang yang mana lapisan atmosfera yang kelihatan padanya siang di atasnya ialah malam. Seolah-olah malam menutupi siang. Fenomena ini hanya dapat dilihat daripada luar atmosfera bumi. Dalam zaman sains dan teknologi pada hari ini, visual yang diambil daripada satelit membolehkan kita melihat fenomena ini dengan jelas.

Uniknya kalimah, perkataan atau ungkapan bahasa al-Quran menepati hakikat sebenar berlakunya fenomena siang dan malam. Al-Quran diturunkan ketika tiada siapa yang mengetahui tentang hakikat sebenar siang dan malam namun,

### info Malam (اللَّيْلُ)

- Perkataan malam (اللَّيْلُ) tersebut dalam al-Quran sebanyak 92 kali. Ini bertepatan dengan Surah al-Lail yang berada pada kedudukan surah ke-92 dalam al-Quran.
- Perkataan malam, siang, matahari dan bulan tersebut secara berurutan dalam tiga ayat (16:12) (21:33) (41:37).
- Didahului malam diikuti siang dan matahari diakhiri dengan bulan. Hal ini kerana perkataan malam tersebut dalam al-Quran sebanyak 92 kali diikuti siang 57 kali, matahari 33 kali dan bulan 27 kali.

Allah S.W.T menjelaskannya dalam al-Quran. Ini membuktikan bahawa Allah SWT Dialah Tuhan yang menjadikan siang dan malam lantaran itu, Dia menjelaskannya dalam al-Quran al-Karim.

﴿ وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الْأَيَّلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴾

٢٣

Maksudnya: *Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Tiap-tiap satunya beredar terapung-apung pada tempat edaran masing-masing.* (Surah al-Anbiya' 21: 33)

KAUNIAH  
22

## ANGIN YANG MEMBAWA AIR HUJAN

**A**ngin ialah makhluk Allah S.W.T yang mendatangkan banyak manfaat kepada manusia dan hidupan yang lain. Angin juga terkadang menjadi bala dan bencana kepada manusia. Dari perspektif al-Quran perkataan رِيحٌ dan yang bermaksud angin digunakan dalam situasi yang berbeza. رِيحٌ digunakan dalam situasi azab manakala رِيَاحٌ digunakan bagi menjelaskan angin yang memberi manfaat kepada manusia. Firman Allah S.W.T:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الَّيلِ وَالنَّهَارِ  
وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ  
كُلِّ دَابَّةٍ وَصَرَيْفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَحَّرِ بَيْنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَأَيَّدَ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia dan apa yang Allah turunkan daripada langit

berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan. (Surah al-Baqarah 2: 164)

Firman Allah Taala lagi:

﴿فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرِّصَرًا فِي أَيَّامٍ نَحْسَاتٍ لِذِيْقَهُمْ عَذَابَ الْخَزْرِيٍّ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلِعَذَابِ الْآخِرَةِ أَخْرَىٰ وَهُمْ لَا يُنْصُرُونَ﴾ ﴿٦﴾

Maksudnya: Maka Kami meniupkan angin yang amat gemuruh kepada mereka dalam beberapa hari yang malang, kerana Kami hendak merasakan kepada mereka itu seksaan yang menghinakan dalam kehidupan dunia. Dan sesungguhnya seksa akhirat lebih menghinakan sedang mereka tidak diberi pertolongan. (Surah Fussilat 41: 16)

Dalam ayat 22 Surah al-Hijr Allah S.W.T menjelaskan antara fungsi angin ialah mencantumkan atau mengahwinkan (تَلْقِيْحٌ).

Firman Allah S.W.T:

﴿وَأَرْسَلْنَا الرِّيحَ لَوْقَحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاهُمْ وَمَا أَنْتُمْ لَهُ بِخَزِينَ﴾ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Dan Kami telah meniupkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih dan Kami turun-

*kan hujan daripada langit, lalu Kami beri minum kamu dengan air itu dan sekali-kali bukanlah kamu yang menyimpannya. (Surah al-Hijr 15: 22)*

Mengapa al-Quran mengaitkan pergerakan angin dengan penurunan hujan? Pergerakan angin merupakan peringkat pertama yang membawa kepada turunnya hujan. Sehingga kurun ke-20 para ilmuwan berpendapat fungsi angin hanyalah menggerakkan awan sebelum turunnya hujan. Buih air laut yang tersejat akan naik ke atas. Buih ini akan terpecah menjadi partikel yang sangat kecil. Partikel ini akan bercantum atau “*talqih*” dengan partikel debu yang dibawa oleh angin dan membentuk



**Anemometer.**

titisan air yang terkumpul dalam awan yang menatijahkan turunnya hujan.

Angin berfungsi mencantumkan partikel buih dengan debu yang menghasilkan hujan. Dalam ayat 22 Surah al-Hijr secara keseluruhannya menjelaskan tentang penurunan hujan. Justeru, tafsiran yang lebih tepat kepada maksud تَلْقِيَحٌ ialah mencantumkan partikel buih dan partikel debu yang dibawa oleh angin.

Walaupun kebanyakan ahli tafsir menafsirkannya dengan “mengahwinkan” tumbuhan atau proses pendebungan. Nilai kemukjizatan al-Quran dalam perbahasan ayat ini ialah:

1. Kemukjizatan bahasa dalam al-Quran yang menggunakan perkataan لَوَاقْحُ bertepatan dengan maksud sebenar ayat.
2. Fungsi angin yang mencantumkan partikel buih dan air dengan partikel debu yang membentuk titisan air merupakan kenyataan yang mendahului penemuan ilmuwan dalam bidang meteorologi.
3. Al-Quran menggunakan ungkapan perkataan paling panjang dengan 11 huruf pada perkataan فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ dengan indah dan menarik. Kebanyakan penyair gagal dalam mengungkapkan perkataan seperti itu.



## Angin

- Angin merupakan zarah-zarah udara yang bergerak yang diakibatkan oleh putaran bumi (kesan Coriolis) dan juga pemanasan tidak sekata di permukaan bumi. Pemanasan ini mengakibatkan adanya perbezaan tekanan udara di persekitaran. Perbezaan tekanan di persekitaran akan mengakibatkan adanya pergerakan zarah-zarah udara kerana mengikut hukum fizik, udara di kawasan yang bertekanan tinggi akan bergerak ke kawasan yang bertekanan rendah.
- Apabila zarah-zarah udara menerima haba, zarah-zarah tersebut akan mengembang dan bergerak dalam kelajuan yang lebih tinggi. Zarah-zarah udara yang telah mengembang akan bergerak ke atas kerana bertumpatan rendah. Manakala, zarah-zarah udara yang bersuhu rendah akan kekal di bahagian bawah kerana bertumpatan tinggi.
- Angin darat ialah angin yang bertiup dari darat menuju ke laut. Angin darat ini terjadi ketika malam hari, yakni sekitar jam 8.00 malam hingga 6.00 pagi.
- Angin laut merupakan keterbalikan dari angin darat, yakni angin yang bertiup dari laut ke darat. Merupakan keterbalikan dari angin darat, maka angin laut ini berhemusnya pada waktu pagi atau siang hari, yakni sekitar pulak 9.00 pagi hingga pulak 4.00 petang.
- Ada beberapa angin:  
Angin monson.  
Angin lembah dan gunung.  
Angin puting beliung.
- Alat pengukur angin disebut anemometer.

KAUNIAH  
23

## AWAN YANG SANGAT BERAT

**A**wan sering dilihat menghiasi langit dan atmosfera bumi. Ia bergerak dengan perantaraan angin. Firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الْرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ  
حَقًّا إِذَا أَقْلَتْ سَحَابًا ثُقَالًا سُقْنَهُ لِبَلَىٰ مَيِّتٍ فَأَزْلَنَا يَهُ  
الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا يَهُ مِنْ كُلِّ الشَّرَبَتِ كَذَلِكَ تُخْرُجُ الْمَوْقَعَ لِعَلْكُمْ  
تَذَكَّرُونَ




Maksudnya: *Dan Dialah yang meniupkan angin sebagai pembawa berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya (hujan); hingga apabila angin itu telah membawa awan mendung, Kami halau ke suatu daerah yang tandus, lalu Kami turunkan hujan di daerah itu, maka Kami keluarkan dengan sebab hujan itu pelbagai macam buah-buahan. Seperti itulah Kami membangkitkan orang-orang yang telah mati, mudah-mudahan kamu mengambil pelajaran.* (Surah al-'Araf 7: 57)

Dalam ayat ini al-Quran menggunakan ungkapan سَحَابًا ثُقَالًا iaitu awan yang berat. Hasil kajian dan pemerhatian

menunjukkan bahawa awan yang membawa hujan merupakan awan yang sangat berat. Para pengkaji menyamakan awan yang bergerak membawa hujan itu seperti gajah-gajah yang sedang bergerak di udara. Penglihatan mata kasar akan menganggap semacam awan begitu ringan namun sebaliknya ia sangatlah berat.

Bagaimana awan terbentuk? Udara selalu mengandungi wap air. Pemeluwapan wap air menghasilkan titik-titik air. Ini menatijahkan terbentuknya awan. Apabila udara panas, lebih banyak wap terkandung di dalam udara kerana air lebih cepat menyejat. Udara panas yang sarat dengan air ini akan naik tinggi, hingga tiba di satu lapisan dengan suhu yang lebih rendah, wap itu akan mencair dan terbentuklah awan dengan molekul-molekul titik air yang tidak terhingga banyaknya.

Apabila awan telah terbentuk, titik-titik air dalam awan akan menjadi semakin besar dan awan itu akan menjadi semakin berat, berat titik-titik air dalam awan boleh mencapai beberapa



**Rajah carta alir kitaran air dan bagaimana hujan terbentuk.**

juta tan, dan perlahan-lahan daya tarikan bumi menariknya ke bawah. Hingga sampai satu peringkat titik-titik itu akan terus jatuh ke bawah dan turunlah hujan. Namun, jika titik-titik air tersebut bertemu udara panas, titik-titik itu akan mengewap dan lenyaplah awan itu. Inilah yang menyebabkan awan selalu berubah-ubah bentuknya. Air yang terkandung di dalam awan silih berganti mengewap dan mencair. Inilah juga yang menyebabkan ada awan yang tidak membawa hujan.

Apabila melihat awan, mungkin seseorang akan membayangkan ia ringan namun, apabila mentadabbur ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa awan itu hakikatnya sangatlah berat maka orang-orang yang beriman pasti meyakini dengan apa yang diutarakan oleh al-Quran walaupun ia mungkin berbeza dengan penemuan-penemuan yang bersifat saintifik. Orang-orang yang beriman pasti meyakini bahawa kenyataan al-Quran adalah benar.

Orang-orang yang beriman amat meyakini bahawa Allah S.W.T yang menjadikan alam ini maka Dia lebih mengetahui akan hakikat alam ciptaan-Nya. Inilah asas penting dalam berinteraksi dengan al-Quran.

KAUNIAH  
24

## AWAN RUKAMAN

Pemerhatian kepada awan akan meningkatkan rasa kebesaran Allah S.W.T yang menciptakan awan untuk kebaikan manusia dan hidupan yang lain. Awan ciptaan Allah S.W.T menatijahkan turunnya hujan yang memberi manfaat yang banyak kepada manusia dan hidupan yang lain. Menelusuri fenomena awan dalam al-Quran membolehkan kita menyelami kebenaran ayat al-Quran dan keindahan bahasa yang diutarakan oleh al-Quran. Firman Allah S.W.T:

﴿أَنَّمَا تَرَانَ اللَّهَ يُرْزِقُ سَحَابَاتِ مَوْلَفٍ بَيْنَهُ، ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَاماً فَتَرَى  
الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلْلِهِ، وَيَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ  
فَيُصَبِّبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصِرِّفُهُ عَنْ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَابَرْقِهِ يَذْهَبُ  
بِالْأَبَصَرِ﴾

Maksudnya: *Tidaklah kamu melihat bahwa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan antara (bahagian-bahagian)nya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan (butiran-butiran) ais daripada langit, (iaitu) daripada (gumpalan-gumpalan awan seperti) gunung-gunung yang ada padanya, maka ditimpakan-Nya (butiran-butiran) ais itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-*

*Nya daripada siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan.*  
*(Surah an-Nur 24: 43)*

Keterangan-keterangan daripada al-Quran dalam ayat ini di samping penggunaan perkataannya telah menzahirkan kemukjizatan saintifik dan bahasa dalam al-Quran. Ini dapat disimpulkan kepada beberapa perkara berikut:

1. Al-Quran menggunakan perkataan **تَرِي** bagi menjelaskan bahawa fenomena awan ini akan dapat dilihat oleh manusia. Dengan kemajuan sains dan teknologi masa kini kenyataan dan gambaran al-Quran tentang awan dalam ayat ini dapat dilihat dalam visual kamera yang dicepatkan.
2. Perkataan **يُزْجِي** dijelaskan oleh para ahli tafsir dengan maksud **يَحْرَك** iaitu menggerakkan. Namun, perkataan ini apabila dirujuk penggunaannya dalam ayat lain ia membawa maksud berkumpul dan bergerak dengan pergerakan ombak. Firman Allah S.W.T:

﴿ رَبُّكُمُ الَّذِي يُزْجِي لَكُمُ الْفُلَكَ فِي الْبَحْرِ لِتَبْغُو مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴾  
66

Maksudnya: *Tuhan-mu adalah yang melayarkan kapal-kapal di lautan untukmu, agar kamu mencari sebahagian daripada kurnia-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Penyayang terhadapmu.* (Surah al-Isra' 17: 66)

Berdasarkan ayat ini dapat disimpulkan **يُزْجِي** bermaksud pergerakan ombak. Bukankah kapal bergerak dengan per-



Pergerakan awan seperti ombak.



Visual dari kamera canggih yang dicepatkan dapat dilihat dengan mata kasar pergerakan awan seperti ombak.

gerakan ombak? Ayat 66 Surah al-Isra' menjelaskan makna perkataan tersebut. Uniknya perkataan al-Quran yang mana rahsia dalamnya hendaklah dirujuk kepada penggunaannya di dalam al-Quran sendiri.

Visual daripada kamera canggih yang dicepatkan dapat dilihat dengan mata kasar pergerakan awan seperti ombak<sup>19</sup>.

3. Perkataan يُؤْلَفُ dijelaskan oleh ahli tafsir dengan maksud يَجْمَعُ (mengumpulkan) iaitu Allah S.W.T yang mengumpulkan awan. Rujukan kepada ayat lain, perkataan tersebut membawa maksud yang lebih mendalam. Firman Allah S.W.T:

﴿ وَالَّفَ بَيْنَ قُوَّبِهِمْ لَوْ أَفْقَتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا  
أَلْقَتَ بَيْنَ قُوَّبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾



Maksudnya: *Dan yang menyatukan hati mereka (orang-orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat menyatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatukan hati mereka. Sesungguhnya Dia Maha Gagah lagi Maha Bijaksana.* (Surah al-Anfal 8: 63)

Menyatukan hati-hati kamu membawa maksud hati yang berlawanan atau bermusuhan. Dalam keadaan hati-hati kamu bermusuhan dan bertentangan, Allah S.W.T satukan antara hati-hati kamu justeru, makna يُؤْلَفُ bermaksud menyatukan sesuatu yang berlawanan. Awan yang terkandung dalamnya cas positif

<sup>19</sup> Lihat: <https://www.youtube.com/watch?v=LnT3TqN4X0Y>.


dan negatif melalui proses penyatuan apabila positif bertemu negatif dan akan bertolakan apabila positif bertemu positif atau negatif bertemu negatif. Fenomena ini menghasilkan kilat dan pembentukan awan yang berlapis atau berkumpul iaitu رُكَامًا seperti yang disebut dalam ayat di atas.

4. Perkataan **وَسْطَهُ** bermaksud iaitu tengah. Ini berdasarkan kepada penggunaan perkataan tersebut dalam ayat yang lain. Firman Allah S.W.T:


﴿فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ أُولَئِمَا بَعْثَنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَا أُولَئِي بَأْسٍ  
شَدِيدٍ فَجَاسُوا خَلَلَ الْدِيَارِ وَكَانَ وَعْدًا مَفْعُولًا﴾

#### Bagaimana Kejadian Kilat Berlaku

Pergeseran antara wap air, ais dan udara menyebabkan penghasilan cas positif dan negatif. Cas negatif akan berkumpul pada bahagian bawah awan.



Cas negatif pada awan akan tertarik kepada cas positif (permukaan bumi) dan membentuk laluan ion ke bumi.



Laluan ion akan mencari titik yang mempunyai rintangan bumi yang paling rendah. Sebaik sahaja laluan ion menyentuh bumi, nyahcas elektrik akan berlaku dan kilat terbentuk.



Maksudnya: *Maka apabila datang saat hukuman bagi (kejahanatan) pertama daripada kedua (kejahanatan) itu, Kami datangkan kepadamu hamba-hamba Kami yang mempunyai kekuatan yang besar, lalu mereka menjelajah di kampung-kampung dan itulah ketetapan yang pasti terlaksana.* (Surah al-Isra' 17: 5)

Hujan yang turun dapat dilihat turunnya dari tengah awan-awan yang telah bersatu (رُكَاماً).

5. Awan yang terbentuk dapat dilihat seperti gunung itu terkadang menurunkan hujan yang berupa ais batu yang besar yang apabila menimpa manusia boleh membunuh.
6. Kilauan kilat hampir-hampir menghilangkan pandangan manusia.

KAUNIAH  
25

## BESI YANG DITURUNKAN

Firman Allah S.W.T:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِبْرَيْتَنَتْ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ  
وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَآسٌ  
شَدِيدٌ وَمَنَفِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ  
الَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami turunkan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)-Nya dan rasul-rasul-Nya padahal Allah tidak kelihatan kepada-nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa. (Surah al-Hadid 57: 25)

Allah S.W.T menjadikan apa yang ada di langit dan bumi

untuk kemaslahatan manusia. Allah S.W.T menjadikan tumbuh-tumbuhan, binatang ternakan, udara, angin, hujan dan lain-lain untuk kemaslahatan manusia. Begitu juga Allah S.W.T menjadikan bahan galian yang tersimpan dalam perut bumi untuk digunakan dan dimanfaatkan oleh manusia. Firman Allah S.W.T:

﴿ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً ثُمَّ أَسْتَوَى  
إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴾  
٢٩

Maksudnya: *Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.* (Surah al-Baqarah 2: 29)

Antara bahan galian yang dijadikan oleh Allah untuk dimanfaatkan oleh manusia ialah besi. Dalam al-Quran terdapat satu surah yang dinamakan dengan Surah al-Hadid iaitu besi. Allah S.W.T menyatakan dalam ayat di atas bahawa "...Kamilah yang menurunkan besi..."

Al-Quran dengan jelas menggunakan perkataan **أَنْزَلْنَا** yang bermaksud "Kami menurunkan" sedangkan besi seperti yang diketahui dilombong atau dikeluarkan oleh manusia dari perut bumi. Sebahagian ahli tafsir menyatakan penggunaan perkataan "menurunkan" ialah penggunaan metafora atau **مجازية** yang bermaksud menciptakan.

Berdasarkan tafsiran ilmiah perkataan **أَنْزَلْنَا** digunakan secara *haqiqat* bukan *majazi*. Para sarjana astronomi menemui



**Meteor (tahi bintang) di angkasa ada yang jatuh ke bumi.**



**Besi yang bukan berasal dari bumi tetapi dari luar angkasa.**

bahawa logam besi yang ditemui di bumi berasal dari bintang-bintang yang besar di angkasa luar. Besi terhasil dari bintang-bintang yang ukurannya jauh lebih besar daripada matahari yang suhunya mencapai ratusan juta darjah. Ketika besi telah melampaui jumlah batas tertentu dalam sebuah bintang, bintang tersebut tidak lagi mampu menanggungnya dan akhirnya meledak melalui sebuah ledakan yang disebut "Nova" atau "Supernova". *Nova* atau *Supernova* merupakan satu proses kematian bintang.

Akibat daripada ledakan ini, meteor-meteor yang mengandung besi bertaburan di seluruh penjuru alam semesta dan meteor tersebut bergerak dalam ruang alam semesta sehingga mengalami gaya tarikan graviti untuk sampai ke bumi. Tanah bumi tidak memiliki struktur untuk menghasilkan besi secara sendiri. Logam besi dihasilkan oleh ledakan bintang besar dan memerlukan suhu yang jauh lebih besar dari matahari sebelum berlaku *Supernova*.

KAUNIAH  
26

## ANGIN 'ISAR DALAM AL-QURAN

Tiupan angin merupakan sebahagian fenomena alam. Tiupan angin juga merupakan salah satu bentuk azab yang memusnahkan umat yang terdahulu. kaum 'Ad dimusnahkan oleh Allah S.W.T dengan tiupan angin yang memusnahkan mereka. Kaum 'Ad ialah umat Nabi Hud a.s yang hidup di utara Hadramaut. Lantaran kekufuran, mereka dimusnahkan oleh Allah S.W.T dengan angin badai yang dahsyat. Firman Allah S.W.T:

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرِصَرًا فِي يَوْمٍ نَّحِنُ مُسْتَمِرُونَ﴾  
(19)

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menghembuskan kepada mereka angin yang sangat kencang pada hari nahas yang terus-menerus. (Surah al-Qamar 54: 19)

Allah SWT menjelaskan fenomena angin puting beliung dalam al-Quran al-Karim. Firman Allah SWT:

﴿أَيُوْدُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِّنْ تَخْيِلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا أَلَانَهُرٌ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الْثَّمَرَاتِ وَأَصَابَهُ الْكِبْرُ وَلَهُ ذُرِّيَّةٌ ضُعْفَاءُ فَأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ﴾

كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ



Maksudnya: Apakah ada salah seorang di antaramu yang ingin mempunyai kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; dia mempunyai dalam kebun itu segala macam buah-buahan, kemudian datanglah masa tua pada orang itu sedang dia mempunyai keturunan yang masih kecil-kecil. Maka kebun itu dititiup angin keras yang mengandung api, lalu terbakarlah. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu memikirkannya. (Surah al-Baqarah 2: 266)

Al-Qurtubi menukilkan pandangan Ibnu Abbas r.a: “Inilah contoh perumpamaan orang yang mengingkari perintah Allah S.W.T agar bersedekah dengan keikhlasan seperti seorang lelaki tua yang memiliki kebun dan zuriat, seterusnya didatangkan angin yang kuat beserta api yang memusnahkan kebunnya itu.”



Gambaran puting beliung berapi.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam ayat ini merujuk kepada perkhabaran al-Quran yang bersifat realiti, bukan yang berupa khayalan. Puting beliung beserta api ialah fenomena yang amat menakutkan dan menggerunkan. Dengan ketinggian 300 meter dan lebar 10 meter, angin yang kuat yang berpusing dengan api di dalamnya, ia mampu memusnahkan kebun yang sepanjang 5 kilometer dalam masa 10 minit sahaja dengan kelajuan 30km/jam. Fenomena ini dapat dilihat dengan jelas melalui visual satelit. Fenomena ini belum pernah dikenal pasti melainkan di awal kurun ke-21. Kebakaran hutan yang dahsyat di Australia pada tahun 2015 melibatkan fenomena puting beliung berapi.

KAUNIAH  
27

## SETAHUN 12 BULAN

Firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ أَشْأَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الَّذِينَ لَا تَظْلِمُونَ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ وَقَاتَلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَةً وَآعْلَمُو أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴾ ٣٦

Maksudnya: Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya, sebagaimana mereka pun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa. (Surah al-Taubah 9: 36)

Ayat ini menjelaskan tentang jumlah bulan dalam tempoh setahun yang mana dalam setahun terdapat 12 bulan. Empat

daripadanya ialah bulan-bulan yang haram untuk berperang iaitu bulan Muharram, Rejab, Zulkaedah dan Zulhijjah. Bulan dan tahun akan silih berganti. Sesuatu yang silih berganti disebut taqwim. Manusia menghitung bulan dan tahun berdasarkan pergerakan bulan, bintang dan matahari. Allah S.W.T berfirman:

﴿ وَجَعَلْنَا الَّيْلَ وَالنَّهَارَ أَيَّتِينِ فَمَحَوْنَا إِيمَانَ أَيَّلِ وَجَعَلْنَا إِيمَانَهُ أَيَّةً الَّهَارِ مُبْصِرَةً لِتَتَغَوَّلُ فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ الْسِّنِينَ وَالْحِسَابَ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَلَّتْهُ تَفْصِيلًا ﴾  
12

Maksudnya: *Dan Kami menjadikan malam dan siang sebagai dua tanda, lalu Kami hapuskan tanda malam dan Kami jadikan tanda siang itu terang, agar kamu mencari kurnia daripada Tuhanmu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun-tahun dan perhitungan. Dan segala sesuatu telah Kami terangkan dengan jelas.* (Surah al-Isra' 17: 12)

Bulan-bulan Hijri dihitung mengikut peredaran bulan mengelilingi bumi. Bulan menyempurnakan satu pusingan mengelilingi bumi selama 29 hari, 12 jam, 44 minit, dan 02.89 saat bersamaan 354 hari, 8 jam, 40 minit, dan 34.67 saat setahun (dua belas bulan). Jumlah bulan-bulan Hijri ialah dua belas bulan. Bermula daripada Muharram sehingga Zulhijjah.


Adapun taqwim matahari atau taqwim Masihi dihitung mengikut peredaran bumi mengelilingi matahari. Bumi menyempurnakan satu pusingan mengelilingi matahari selama 365 hari, 5 jam, 49 minit, dan 12 saat. Hal ini juga menatijahkan jumlah bulan sebanyak 12 bulan. Bermula daripada Januari sehingga Disember.

Taqwim Parsi yang menamakan setiap hari dengan nama yang berlainan setiap bulan juga mengandungi 12 bulan untuk tempoh setahun.

Taqwim yang berasaskan bintang atau pergerakan buruj juga mengandungi dua 12 untuk tempoh setahun. Hal ini diperhatikan berdasarkan kedudukan buruj tertentu yang berada di belakang matahari ketika matahari terbenam atau terbit. Ia akan silih berganti dalam tempoh setahun.

Nilai kemukjizatan dalam ayat di atas ialah keunikan al-Quran dalam memuktamadkan angka 12 bulan dalam setiap taqwim tahunan sama ada berdasarkan bulan, matahari atau bintang. Jumlah bulan sebanyak 12 seperti yang dimuktamadkan oleh al-Quran akan memberi banyak kemudahan kepada manusia dalam menghitung masa. Ia juga membantu manusia dalam mengurus musim yang silih berganti.

Di beberapa tempat atau negara terdapat empat musim yang silih berganti dan setiap musim akan berlangsung selama empat bulan.



Taqwim piama juga terdiri daripada 12 piama.



Lukisan buruj ketika matahari terbenam.

KAUNIAH  
28

## PUTARAN BUMI DAN MATAHARI TERBIT DARI SEBELAH BARAT

Firman Allah S.W.T:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سَتَةٍ  
أَيَّامٍ ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي الْيَوْمَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ، حَتَّى ثُمَّ  
وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ يَأْمُرُهُنَّهُ أَلَا لَهُ الْخُلُقُ  
وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dia menutupkan malam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat, dan ( diciptakan-Nya pula) matahari, bulan dan bintang-bintang (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam. (Surah al-Araf 7: 54)

Antara inti pati daripada ayat ini ialah penjelasan al-Quran berkaitan peredaran siang dan malam yang berlaku dengan

pantas. Allah menjelaskan Dialah yang menutup malam akan siang. Bumi ini dilitupi kegelapan atau malam melainkan apabila bumi menerima cahaya daripada matahari. Siang dan malam akan berkejaran dengan pantas. Al-Quran menggunakan perkataan **حَيْثِيَا مُسْرِعًا** yang bermaksud iaitu pantas. Dalam beberapa hadis yang saih Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَتَقَارَبَ الرَّمَانُ ، فَتَكُونَ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ ،  
وَيَكُونُ الشَّهْرُ كَالجُمُعَةِ ، وَتَكُونُ الْجُمُعَةُ كَاليَوْمِ ، وَيَكُونُ  
الْيَوْمُ كَالسَّاعَةِ ، وَتَكُونُ السَّاعَةُ كَاحْتِراقِ السَّعْفَةِ .

Maksudnya: *Tidak akan berlaku kiamat sehingga masa berlalu pantas, maka setahun terasa seperti sebulan dan sebulan terasa seperti seminggu dan seminggu terasa seperti sehari, sehari terasa seperti seketika dan seketika itu terasa sepantasnya seperti pelepas yang terbakar.*  
(Riwayat Ahmad)

Peredaran malam dan siang yang pantas menyebabkan masa juga akan terasa cepat dan pantas. Pada hari ini, kita dapat merasai masa yang begitu pantas berlalu. Hari ke hari, minggu ke minggu bahkan tahun ke tahun begitu cepat dan pantas berlalu.

Bumi berputar dari barat ke timur, ini menatijahkan matahari akan terlihat terbit dari timur dan terbenam di sebelah barat. Mungkinkah matahari terbit di sebelah barat dan terbenam di sebelah timur? Matahari terbit dari sebelah barat ialah salah satu tanda besar berlakunya kiamat. Di dalam sebuah hadis yang saih Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا ، فَإِذَا رَأَاهَا

النَّاسُ ، آمَنَ مَنْ عَلَيْهَا ، فَذَاكَ حِينَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيمَانُهَا لَمْ  
تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ

Maksudnya: *Tidak akan berlaku kiamat sehingga matahari terbit dari sebelah barat, manusia akan melihatnya, berimanlah mereka tetapi beriman ketika itu tidak bermanfaat lagi, melainkan yang beriman sebelum darpada itu.* (Riwayat al-Bukhari)

**BUSINESS  
RECORDER**  
— PAKISTAN'S PREMIER FINANCIAL DAILY —

Signs of the Day of Judgment

## NASA confirms possibility of sun rising from the West

**T**he science of astronomy states that the speed of planet Mars has been decreasing in its course toward the eastern direction in the past few weeks to the level we notice the "waver" between the east and the west...and on Wednesday the 30th of July the planet movement stopped going toward the eastern direction.

Then in the months of August and September, Mars changed its course in the opposite direction to the West...and that until the end of September...which means the sun will rise now from the west on Mars!! And this weird phenomena of the opposite movement is called "Retrograde Motion". Most scientists state that all the planets will go through the same once at least and our planet Earth is one of them. Planet Earth will move in the opposite direction some day and the sun will rise from the west!!

This might occur soon and we are unaware! The rise of the sun from the west is mentioned in the hadith and this is the major sign of the day of judgment, most if not all, the minor signs have occurred. Wake up.

Our beloved messenger Mohamed (Peace Be Upon Him) said: "One of the signs of the hour, the sun will rise from the west, where no longer tawba (forgiveness) will be granted" !!And the strange thing...most of our Sharah scholars mentioned that the rise of the sun from the west occurs only once...on that day, the sun will rise from the west...then again from the east...and continues until Allah wishes...and this is similar to what is happening to Mars...it stops, then it changes its course of direction for a short period of time...then returns to way once it was.

And Abdullah Bin Amro (R.A.) said: (I memorized from the messenger (SAW) a hadith I

will never forget...I heard the messenger of Allah (SAW) say: The first aya to come the rise of the sun from the west) [Ahmad]. And the messenger SAW "Allah places HIS hand at night to forgive his morning sinners, and places in the morning to forgive his night sinners until the sun rises from the west" [Muslim].

This piece of news is very important as it brings with it a great sign of warning and remembrance of the coming of a new WORLD - the world of the Hereafter When we show this hadith that was told 1400 years ago about this miracle...you will see Insha'ALLAH, a lot will revert to right path...And the Muslims if they see this phenomena happening in Mars...who knows maybe it would bring them closer to our CREATOR.

May Allah keep all of us in the right path and provide us with success in this world as well as in the hereafter.

**Tanda Kiamat: NASA pastikan kemungkinan matahari terbit dari barat.**

Kajian dan penelitian oleh pihak NASA menunjukkan bahawa planet Mars yang hampir dengan bumi akan bertukar arah putaran. Fenomena yang sama akan berlaku di bumi. Apabila putaran bumi semakin pantas akan berlaku gelinciran di paksi bumi menyebabkan putaran tersebut akan bertukar arah. Ketika itu bumi akan berputar dari timur ke barat. Apabila bumi berputar dari timur ke barat maka matahari akan terlihat terbit dari barat dan terbenam di sebelah timur.

Nilai kemukjizatan dalam perbincangan ini ialah kemukjizatan saintifik astronomi dan kemukjizatan syariat. Kemukjizatan syariat merujuk kepada syariat atau perkara aqidah yang berkait dengan peristiwa kiamat dan kehancuran alam yang mana peristiwa kiamat akan bermula dengan tanda-tanda kecil dan besar. Hal tersebut diperjelaskan dalam banyak hadis Nabi S.A.W. Peristiwa matahari terbit dari sebelah barat merupakan salah satu tanda kiamat yang besar. Kemukjizatan saintifik astronomi seperti yang diperjelaskan di atas mengukuhkan kemungkinan besar berlakunya peristiwa tersebut.

KAUNIAH  
29

## LUBANG HITAM DI CAKERAWALA

Firman Allah S.W.T:

﴿فَلَا أُقِيمُ بِالْخَيْرِ ١٥ الْجَوَارِ الْكَنَّاسِ﴾

Maksudnya: Sungguh, Aku bersumpah dengan bintang-bintang, (15) Yang beredar dan terbenam (16). (Surah Takwir 81: 15-16)

Al-Quran ialah kitab yang menjelaskan tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. Dalam tanda-tanda itulah Allah S.W.T menerangkan rahsia kejadian-Nya. Rahsia itu terungkai di zaman sains dan teknologi pada hari ini. Bertepatan dengan janji Allah S.W.T yang akan memperlihatkan tanda-tanda kebesaran-Nya. Firman Allah S.W.T:

﴿سَرِيهِمْ إِيَّنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ أَوْلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ﴾



Maksudnya: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Quran itu adalah benar. Tiadakah cukup bahawa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu? (Surah Fussilat 41: 53)*

Dalam dunia astronomi moden pada hari ini fenomena “Lubang Hitam” (*The Black Hole*) menjadi perbahasan penting dalam kalangan saintis. Beberapa pendapat dikemukakan berkaitan perkara tersebut iaitu:


- i. *Black Hole* ialah jisim dengan medan graviti yang sungguh kuat sehingga melebihi kelajuan cahaya. Tiada suatu benda yang boleh melepas gravitinya termasuk cahaya.
- ii. Sebahagian saintis menyatakan lubang hitam itu ialah sejenis bintang raksasa yang mampu menyedut dan menyapu semua benda langit di sekitarnya. Ia terbentuk ketika sebuah bintang besar mulai habis usianya akibat kehabisan tenaga dan bahan bakar. Meskipun tidak terlihat, *Black Hole* memiliki tarikan magnet yang tinggi.

Allah S.W.T bersumpah dengan makhluknya bagi menjelaskan keunikian makhluk ciptaan-Nya. Dia yang Maha Mencipta dan Dia yang Maha Mengetahui akan ciptaan-Nya. Dalam ayat di atas Allah S.W.T bersumpah dengan bintang yang mempunyai tiga sifat yang utama iaitu:


1. Al-Khunnas iaitu yang tersembunyi.
2. Al-Jawariy iaitu yang beredar.
3. Al-Kunnas iaitu yang menyapu (menarik).

“Lubang hitam” ialah bintang yang tidak kelihatan (tersembunyi) yang beredar di galaksi cakerawala dan ia akan menyedut serta menarik setiap sesuatu yang mendekatinya. Ketiga-tiga sifat ini diisyaratkan oleh al-Quran dalam ayat di atas.

Nilai kemukjizatan al-Quran dalam ayat ini ialah kemukjizatan saintifik astronomi yang mana al-Quran telah mengisyaratkan kewujudan fenomena “lubang hitam” sebelum ia ditemui oleh para ahli astronomi. Kemukjizatan bahasa al-Quran juga terzahir daripada perkataan-perkataan yang diungkapkan oleh al-Quran dalam ayat ini. Perkataan yang mempunyai makna yang mendalam dan perlu dihalusi oleh mereka yang ingin membongkar rahsia yang terkandung di dalamnya.



Kajian dan pengamatan ahli astronomi, mengkaji lintasan sebutir bintang S2, di mana jarak terdekat S2 dengan Black Hole adalah sejauh 20 bilion kilometer, yakni 120 kali jarak antara bumi dengan matahari.



**The Black Hole** mengikut gambaran pelukis.

## info

- Bintang akan kehilangan cahaya. (Surah al-Mursalat: 8)
- Dalam al-Quran terdapat Surah Bintang (al-Najm), Allah S.W.T bersumpah dengan bintang sebelum menjelaskan tentang peristiwa Mikraj Nabi S.A.W ke Sidarul Muntaha. Dalam Surah al-Najm ayat 49 Allah S.W.T berfirman bahawa Dia Tuhan kepada bintang Syi'ra yang disembah oleh orang Jahiliah.
- Bintang ialah makhluk Allah yang bertebaran dan akan jatuh apabila berlaku kiamat. (Surah al-Takwir : 2)

KAUNIAH  
30

## MANUSIA DAN ANGKASA LEPAS

Firman Allah S.W.T:

﴿ يَمْعَشَ الرِّجَنَ وَالْإِنْسِ إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارٍ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا سُلْطَانٌ ﴾ ٣٣

Maksudnya: Wahai jin dan manusia, jika kamu sanggup menembus (melintasi) penjuru langit dan bumi, maka lintasilah, kamu tidak dapat menembusnya kecuali dengan kekuatan. (Surah al-Rahman 55: 33)

Firman Allah S.W.T:

﴿ فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يُشَحِّ صَدْرَهُ لِالْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ  
أَنْ يُضْلِلَهُ يُجْعَلُ صَدْرَهُ ضَيْقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي  
السَّمَاءِ كَذَلِكَ يُجْعَلُ اللَّهُ الْجِئْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا  
يُؤْمِنُونَ ﴾ ١٥٥

Maksudnya: Barangsiapa yang Allah kehendaki untuk memberikan kepadanya petunjuk, nescaya Dia me-

*lapangkan dadanya untuk (memeluk agama) Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kesesatannya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit, seolah-olah ia sedang mendaki langit. Begitulah Allah menimpakan seksa kepada orang-orang yang tidak beriman. (Surah al-An'am 6: 125)*

Dari perspektif al-Quran, manusia mampu ke alam tinggi atau angkasa lepas dengan kekuatan ilmu pengetahuan dan peralatan yang direka cipta. Ibnu Abbas r.a. menyatakan jika kamu mampu untuk mempelajari apa yang ada di langit dan di bumi pelajarilah namun, kamu tidak akan mengetahuinya melainkan dengan bukti daripada Tuhanmu.

Walaupun ketika al-Quran diturunkan belum ada manusia yang mampu menerjah keluar dari atmosfera bumi untuk ke



Indahnya imej aurora dilihat dari angkasa lepas.

angkasa lepas. Orang beriman meyakini bahawa kenyataan al-Quran pasti benar biarpun manusia belum mampu melakukannya. Walaupun ketika saintis atau angkasawan belum mampu sampai ke ruang angkasa lepas atau mendarat di bulan sekalipun, orang-orang beriman amat meyakini bahawa manusia akan sampai ke sana dengan daya usaha dan ilmu pengetahuan.

Dalam ayat Surah al-An'am di atas, Allah S.W.T menjelaskan satu perkara asas tentang angkasa lepas dengan keindahan gaya bahasa perumpamaan atau diistilahkan dalam ilmu bayan sebagai Tasybih. Apabila ketinggian bertambah, maka tekanan zarah-zarah udara akan berkurang. Apabila ketinggian bertambah maka jumlah oksigen juga akan berkurang. Hal ini memberi kesan kepada sistem pernafasan manusia. Ini akan menyebabkan kesesakan nafas. Para pendaki gunung atau angkasawan yang berlepas ke angkasa lepas memerlukan alat bantuan oksigen untuk membantu sistem pernafasan.



**Angkasawan Negara Dr. Syeikh Muszaphar Shukor.**

Nilai kemukjizatan dalam perbincangan ini ialah kemukjizatan saintifik astronomi, kemukjizatan Bahasa dan kemukjizatan perkhabaran akan datang. al-Quran mengisyaratkan perkara akan datang dengan gaya bahasa yang begitu indah dan terbukti benar dalam zaman sains dan teknologi masa kini.



**Hotel di angkasa lepas.**

## PENUTUP

Buku *Kemukjizatan al-Quran dalam Ayat-ayat Kauniah* membincangkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan alam semesta yang tidak bernyawa seperti bulan, bumi, matahari, bintang, lautan, angin, gunung-ganang dan lain-lain. Al-Quran yang mempunyai nilai kemukjizatan telah mengutarakan ayat-ayat Kauniah yang bersifat saintifik dengan gaya bahasa al-Quran yang hidup, yang membuka minda insani untuk mengkaji, menaakul keindahan alam ciptaan Allah S.W.T.

Al-Quran menzahirkan keunikan ayat-ayat Kauniah di dalamnya dengan mengengahkan perkara-perkara yang tidak mungkin manusia mengetahuinya ketika ia diturunkan. Namun, di akhir zaman atau di zaman sains dan teknologi masa kini perkara-perkara yang dinyatakan oleh al-Quran terbukti dan terlihat kebenarannya. Hal yang demikian menimbulkan persoalan, “Bagaimana al-Quran boleh menghabarkannya?”

Akal manusia pasti memberi jawapan bahawa al-Quran boleh menghabarkan hal yang demikian kerana yang menurunkan al-Quran itulah yang menciptakan alam semesta. Pencipta sesuatu itu sudah pasti mengetahui akan sesuatu itu walaupun tiada yang mengetahuinya kerana ia yang menciptakannya. Penulis begitu teruja dalam menelusuri ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran. Ini kerana ia menjadi bukti kewujudan Allah S.W.T. dan kebenaran al-Quran.

Dalam memerhati dan menaakul ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran, seseorang itu hendaklah memperkemaskan aqidah dan keyakinannya kepada Allah S.W.T. Mengkaji ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran pasti akan membawa seseorang kepada perbahasan yang bersifat saintifik justeru, sebarang pertembungan antara al-Quran dan sains hendaklah dirujuk kepada al-Quran.

Ini kerana sains ialah perkara yang terdedah kepada perubahan adapun al-Quran ialah kalam Allah yang kekal sehingga ke hari kiamat. Jangan sama sekali mengheret al-Quran untuk menerima penemuan-penemuan saintifik. Para ahli tafsir yang terdahulu begitu yakin terhadap kenyataan al-Quran biar pun ada kenyataan-kenyataan saintifik yang terlihat wujud pertembungan. Secara logiknya, bagaimana mungkin berlaku pertembungan sedangkan yang mencipta perkara saintifik itulah yang menurunkan al-Quran.

Dapatkan kajian terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran menjadi satu metode dakwah yang amat efisyen dalam zaman ini. Ramai para pengkaji dan saintis yang menerima hidayah Allah S.W.T. hasil daripada penemuan-penemuan perkara saintifik dalam al-Quran al-Karim justeru, kajian-kajian ilmiah berkaitan ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran hendaklah dikembangkan dan disebar luas. Sebahagian sarjana menganggap kajian kemukjizatan saintifik terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran seolah-olah memaksa al-Quran untuk menerima perkara-perkara saintifik.

Anggapan tersebut seharusnya diperbetulkan dan diperjelaskan. Pertembungan antara al-Quran dan sains hendaklah dirujuk kepada al-Quran. Mereka yang mengabaikan kemukjizatan saintifik dalam al-Quran akan terlepas satu metode

dakwah yang sangat berkesan di zaman sains dan teknologi pada hari ini.

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk merumuskan dan menyarankan perkara-perkara berikut:

1. Kajian kemukjizatan saintifik terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran sangat penting untuk dikembangkan. Ini kerana, dapatan kajian yang berkaitan boleh menjadi metode dakwah yang sangat berkesan. Ia juga akan meluaskan bidang ilmu astronomi Islam pada hari ini.
2. Al-Quran menyajikan ayat-ayat Kauniah yang perlu ditaakul untuk membongkar rahsia yang ada di dalamnya. Ilmu Falak atau astronomi hendaklah digabungjalinkan dengan kajian kemukjizatan terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran.
3. Pertembungan antara sains dan al-Quran hendaklah dirujuk kepada al-Quran.
4. Bertitik-tolak daripada perbincangan yang terdapat dalam buku ini dicadangkan mata pelajaran kemukjizatan al-Quran diberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah dan difokuskan di peringkat pengajian tinggi. Penubuhan pusat kajian kemukjizatan al-Quran juga adalah satu keperluan dalam dunia dakwah pada hari ini.
5. Dicadangkan koleksi buku-buku yang berkaitan dengan kajian kemukjizatan dalam ayat-ayat Kauniah hendaklah diperbanyakkan.
6. Pendedahan kepada masyarakat Malaysia akan pengetahuan berkaitan bahasa al-Quran adalah perlu. Ini akan menjadikan pemangkin kepada penerokaan terhadap rahsia yang terdapat dalam ayat-ayat Kauniah.

Akhirnya, penulis berdoa mudah-mudahan buku ini memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada mereka yang menceburi bidang astronomi Islam, bidang kemukjizatan al-Quran dan bidang dakwah Islamiah.

## RUMUSAN DAN SARANAN

Buku ini membincangkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan alam semesta yang tidak bernyawa seperti bulan, bumi, matahari, bintang, lautan, angin, gunung-ganang dan lain-lain. Al-Quran yang mempunyai nilai kemukjizatan telah mengutarakan ayat-ayat Kauniah yang bersifat saintifik dengan gaya bahasa al-Quran yang hidup, yang membuka minda insani untuk mengkaji, menaakul keindahan alam ciptaan Allah S.W.T.

Al-Quran menzhahirkan keunikan ayat-ayat Kauniah dengan mengetengahkan perkara-perkara yang tidak mungkin manusia mengetahuinya ketika ayat ini diturunkan. Namun begitu pada akhir zaman atau pada zaman sains dan teknologi masakini perkara-perkara yang dinyatakan oleh al-Quran terbukti dan terlihat kebenarannya. Hal yang demikian menimbulkan persoalan, “Bagaimana al-Quran boleh menghabarkannya?” Akal manusia pasti memberi jawapan bahawa al-Quran boleh menghabarkan hal yang demikian kerana yang menurunkan al-Quran itulah yang menciptakan alam semesta. Pencipta sesuatu itu sudah pasti mengetahui akan sesuatu itu. Walaupun tiada yang mengetahuinya kerana Dia yang menciptakannya. Penulis begitu teruja dalam menyusuri ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran. Ini kerana ayat-ayat ini menjadi bukti kewujudan Allah S.W.T. dan kebenaran alQuran.

Dalam memerhati dan mentaakul ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran, seseorang itu hendaklah memperkemaskan akidah dan keyakinannya kepada Allah S.W.T. Mengkaji ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran pasti akan membawa seseorang kepada perbahasan yang bersifat saintifik justeru, sebarang pertembungan antara al-Quran dengan sains hendaklah dirujuk kepada al-Quran. Ini kerana sains ialah perkara yang terdedah kepada perubahan adapun al-Quran ialah kalam Allah yang kekal sehingga ke hari kiamat. Jangan sama sekali mengheret al-Quran untuk menerima penemuan-penemuan saintifik. Para ahli tafsir yang terdahulu begitu yakin terhadap kenyataan al-Quran biarpun ada kenyataan-kenyataan saintifik yang dilihat wujud pertembungan. Secara logiknya, pertembungan tidak mungkin berlaku kerana yang mencipta perkara saintifik itulah yang menurunkan al-Quran.

Dapatkan kajian terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran menjadi satu kaedah dakwah yang amat efisyen pada zaman ini. Ramai para pengkaji dan saintis yang menerima hidayah Allah S.W.T hasil daripada penemuan-penemuan perkara saintifik dalam al-Quran al-Karim, justeru, kajian-kajian ilmiah berkaitan ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran hendaklah dikembangkan dan disebarluaskan. Sebahagian sarjana menganggap kajian kemukjizatan saintifik terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran seolah-olah memaksa al-Quran untuk menerima perkara-perkara saintifik. Anggapan tersebut seharusnya diperbetulkan dan diperjelaskan. Pertembungan antara al-Quran dengan sains hendaklah dirujuk kepada al-Quran. Mereka yang mengabaikan kemukjizatan saintifik dalam al-Quran akan terlepas satu kaedah dakwah yang sangat berkesan pada zaman sains dan teknologi pada hari ini.

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk merumuskan dan menyarankan perkara perkara berikut:

1. Kajian kemukjizatan saintifik terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran sangat penting untuk dikembangkan. Ini kerana, dapatan kajian yang berkaitan boleh menjadi kaedah dakwah yang sangat berkesan. Ia juga akan meluaskan bidang ilmu astronomi Islam pada hari ini.
2. Al-Quran menyajikan ayat-ayat Kauniah yang perlu ditaakul untuk membongkar rahsia yang ada di dalamnya. Ilmu falak atau astronomi hendaklah digabungjalinkan dengan kajian kemukjizatan terhadap ayat-ayat Kauniah dalam al-Quran.
3. Pertembungan antara sains dengan al-Quran hendaklah dirujuk kepada al-Quran.
4. Bertitiktolak daripada perbincangan yang terdapat dalam buku ini dicadangkan matapelajaran kemukjizatan al-Quran diberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah dan difokuskan di peringkat pengajian tinggi. Penubuhan pusat kajian kemukjizatan al-Quran juga adalah satu keperluan dalam dunia dakwah pada hari ini.
5. Dicadangkan koleksi buku-buku yang berkaitan dengan kajian kemukjizatan dalam ayat-ayat Kauniah hendaklah diperbanyakkan.
6. Pendedahan kepada masyarakat Malaysia akan pengetahuan berkaitan bahasa al-Quran adalah perlu. Ini akan menjadi pemangkin kepada penerokaan terhadap rahsia yang terdapat dalam ayat-ayat Kauniah.

Akhirnya, penulis berdoa mudah-mudahan buku ini memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada mereka yang menceburi bidang astronomi Islam, bidang kemukjizatan al-Quran dan bidang dakwah Islamiah.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Khir, Mohd Fahmi, *Puasa Ramadan: Satu Ibadat yang Unik*. Ceramah Ru'yah al-Hilal, Jabatan Mufti Negeri Perak, Segari: Perak, 2006.
- Abdul Khir, Mohd Fahmi, *Utusan Malaysia. Penyembelihan Korban Unik*, 2013 al Fairuz al Abadiy, Qamus al Muhit, Dar al-'Ihya' al-Turath, Lubnan, 2000 Cet. Pertama.
- Al-Quran* (Pimpinan al Rahman), Jakim, 1418H.
- Al-Raghib al-Asfahaniy, *Mufradat 'Alfaz al-Quran*, Dar al-Ma'rifat, 1999, Cet. pertama.
- Bahjat Salih, *Al-'Trab al-Mufassal Li Kitabillah al-Murattal*, Dar al-Fikr, Lubnan, 1993, Cet. pertama.
- Fadl Hasan 'Abbas, *Al-Balaghah Fununuhu Wa 'Afnanuhu*, Dar al-Furqan, Jordan, 1991.
- Fadl Hassan 'Abbas, *Tjaz al-Quran al-Karim*, Dar al-Furqan, Syria, 1991.
- Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Dar al-Sadr, 1410H, Cet. pertama.
- Isma'il Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-A'zim*, Dar al-'Ihya' al-Turath, Lubnan, 1997, Cet. pertama.
- J.G. Hava, *Al-Faraaid Arabic-English Dictionary*, Dar al-Masyriq, Lubnan, 1982.

Manna' al-Qatan, *Mabahith Fi Ulum al-Quran*, Muassasat Risalah, Syria, 1993, Cet. ke-24.

Muhammad al Zarqaniy, Manahil al 'Irfan Fi Ulum al-Quran, Dar al-'Ihya' al-Turath, Lubnan, 1998, Cet. kedua.

Muhammad al-Qurtubiy, *Al-Jami' Li 'Ahkam al-Quran*, Dar al-'Ihya' al-Turath, Lubnan, 1995, Cet. pertama.

Salah al-Khalidiy, *Al-Bayan Fi T'jaz al-Quran*, Dar al-'Ammar, Jordan, 1993, Cet. ketiga.

## BIODATA PENGARANG

**Nama:** Dr. Mohd Fahmi bin Abdul Khir

**Tarikh lahir:** 20 Mac 1974

### PENDIDIKAN

- Kolej Islam Kelang (Sijil Pelajaran Malaysia).
- Madrasah al-Latifiyyat, Pengkalan Hulu (Pondok Pakteh).
- Universiti of Jordan (Sarjana Muda Kepujian), Bahasa Arab.
- Dawrah al-Tajwid, Masjid Universiti of Jordan (Mumtaz).
- Universiti Islam Antarabangsa (Diploma Pendidikan), Bahasa Arab dan Pendidikan Islam.
- Universiti Malaya (Sarjana), Bahasa Arab dan Ilmu Ilmu Islam.
- Universiti Malaya (Doktor Falsafah), Bahasa Arab dan Ilmu-ilmu Islam.

### KELAYAKAN PROFESIONAL

- Guru agama bertauliah, Jabatan Mufti Perak.
- Pengkursus Haji bertauliah, Tabung Haji Malaysia & Penceramah Haji Negeri Perak.

### PENGIKTIRAFAN/KERJAYA

- Pensyarah Kolej Komuniti Gerik.
- Penggerusi Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan al-Quran, Pondok Air Jernih, Gerik.
- Ahli Majlis Agama Islam Perak (MAIPk).
- AJK Falak Negeri Perak.
- AJK Pendidikan Tahfiz Negeri Perak.

### **KEMAHIRAN**

- Khat dan Kaligrafi Islam
- Tarannum al-Quran

### **KEPAKARAN**

- Penyelidik ilmu kemukjizatan al-Quran.
- Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

### **BAHASA**

- Bahasa Malaysia
- Bahasa Arab
- Bahasa Inggeris

### **PERKHIDMATAN AWAM**

Perlantikan jawatan SPA : 1999/01/09

Pengesahan jawatan SPA : 2002/01/09

### **KARYA DAN KERTAS KERJA**

- *Pengguguran Kata dan Ayat: Satu Analisis Kemukjizatan al-Quran.* (Disertasi Sarjana)
- *Kesan Bahasa Arab terhadap Perselisihan Ahli Fiqh: Kajian Khusus Kitab Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid.* (Tesis PhD)
- *Kemukjizatan al-Quran: Bukti Kebenaran Islam dan Kerasulan Muhammad SAW.*
- *Bacaan al-Quran dan Kemukjizatan Bahasa al-Quran.*
- *Puasa Ramadan: Satu Ibadat yang Unik.*
- *Mutiara Indah di dalam Tafsiran Surah al-Sajdah.*
- *Surah al-Qadr dan Kemukjizatan Bilangan di dalam al-Quran.*
- *Fadhilat Surah al-Fatihah.*
- *Soal Jawab Puasa.*
- *Risalah Umrah dan Ziarah.*

- *Perkahwinan dan Perceraian: Keadilan di dalam Islam.*
- *Islam dan Psikologi: Satu Pendekatan untuk Penolong Pendaftar Nikah.*
- *Penyembelihan Korban Satu Ibadat Yang Unik.*
- *Al-Kawakib al-Munirah Fi Tafsir Surah-surah al-Jumu'at.*
- *Al-Lu' lu' wa al-Marjan Fi Tafsir Surah Ali Imran.*
- *16 Tips Imam Tarawih yang Berkesan.*
- *Kemukjizatan al-Quran: Cabaran Insan Cemerlang Umat Terbilang.*

---

## **PROGRAM KELAS TADABBUR AL-QURAN, WAKAF PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN ILMU AL-QURAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN**

---

**W**aqaf Perak ar-Ridzuan (WPAR) melalui Program Pembangunan dan Perkembangan Ilmu al-Quran berhasrat untuk menyebar luas ilmu al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu al-Quran tanpa mengira sempadan usia.

Pada 21 Mei 2019 bersamaan 16 Ramadhan 1440 Hijrah, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-Lah telah mencemar duli merasmikan Majlis Pelancaran Program Kelas Tadabbur al-Quran di Masjid Toh Puan Besar Hatijah, Batu Gajah.

Tadabbur al-Quran adalah perintah daripada Allah S.W.T. menerusi firman-Nya yang bermaksud, “*Maka, apakah mereka tidak mentadabbur al-Quran atau hati mereka telah terkunci?*” (Surah Muhammad 47: 24). Dengan cara bertadabbur, umat Islam dapat mengkiaskan pengajaran daripada al-Quran kepada kehidupan manusia secara peribadi atau masyarakat.

### **Objektif Program:**

1. Membolehkan masyarakat mempelajari ilmu al-Quran dan memahami tafsirnya secara meluas dengan pelaksanaan program di semua jabatan/organisasi/institusi di seluruh negeri Perak.
2. Menjadi medium untuk program/kaedah pengajaran yang membolehkan umat Islam memahami dan menghayati peringatan,

pelajaran dan kebenaran yang terkandung dalam al-Quran untuk diaplikasikan dalam kehidupan bagi bekalan akhirat.

3. Mencetus rasa 'izzah terhadap al-Quran melalui disiplin ilmu kemukjizatan al-Quran.

### Konsep Program

1. Pelaksanaan program ini dibuat melalui kelas pengajian secara berjadual di setiap agensi/organisasi. Pemilihan masa dan hari adalah mengikut kesesuaian dan ditentukan oleh Ketua Jabatan/ Organisasi. Setiap kelas mengambil masa selama 30 minit.
2. Program ini akan melibatkan semua institusi masjid dan surau serta semua agensi kerajaan termasuk sekolah dan agensi swasta yang berminat, di samping kerjasama dengan organisasi kebajikan dan pusat komuniti yang mempunyai pelanggan daripada kalangan masyarakat setempat seperti Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta pusat komuniti yang lain.
3. Modul program ini adalah berdasarkan Ayat-ayat *Kauniah* (Kemukjizatan al-Quran) yang diperakurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak.

### Ayat-ayat Kauniah

Ayat-ayat *kauniah* ialah ayat-ayat al-Quran yang membicarakan makhluk Allah S.W.T. seperti langit, bumi dan segala yang ada di dalamnya, zatnya, sifatnya dan hal yang berkaitan dengannya.

Salah satu contoh ayat *kauniah* yang terdapat dalam al-Quran adalah mengenai bintang al-Thariq. Allah S.W.T. berfirman, maksudnya, "Demi langit dan demi bintang al-Thariq. Tahukah kamu apakah itu bintang al-Thariq? Iaitu bintang yang cahayanya menembus." (Surah al-Thariq 86: 1-3)

Bintang merupakan makhluk Allah S.W.T. yang unik. Bintang mengeluarkan cahaya, justeru matahari juga merupakan salah satu daripada jenis bintang. Pada malam yang cerah, kerdipan bintang di langit dapat dilihat dari bumi. Kedudukan bintang yang amat jauh dari planet Bumi menyebabkan ia kelihatan kecil, sedangkan menurut saintis hasil daripada cerapan yang dibuat anggaran saiznya adalah besar seperti bintang Sirius A, Orange Giant, Arturus, Aiderbaran dan lain-lain lagi. Bintang paling besar yang pernah dijumpai ialah VY Carnis Majoris. Diameternya 2,800,000,000 km. Sebuah kapal terbang memerlukan 1,100 tahun untuk mengelilingi bintang ini dengan kelajuan 900 km/jam.

Pihak NASA telah menemukan sebuah bintang yang dikenali sebagai *Cosmic Hammer*. Kedengaran bunyinya seperti ketukan, namun ia berlaku disebabkan oleh putarannya. Jika ia mendekati bumi, bunyi getaran akan kedengaran lebih laju. Cahayanya boleh menembus apa-apa sahaja kerana mengeluarkan sejenis gelombang. Pada ketika para pengkaji di NASA tidak mengetahui mengenai Surah al-Thariq kerana mereka sekadar menjalankan kajian daripada kaca mata astronomi tentang sifat bintang yang ditemui, terbukti bahawa al-Quran telah pun menyebut perkara ini lebih 1,400 tahun yang lampau.

Pada peringkat awal program ini dilaksanakan di Daerah Hulu Perak melibatkan daerah Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu.

#### **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK**

Website : [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my) / [www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)

Telefon : 05-208 4100

Facebook : Waqaf Perak ar-Ridzuan




## WAQAF PERAK AR-RIDZUAN

- Dana wakaf tunai melalui sumbangan orang ramai bagi kegunaan pelbagai projek wakaf untuk manfaat umat Islam di negeri Perak.
- Diiktiraf oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai satu projek berkepentingan nasional dan mendapat pelepasan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

### KAEDAH PEMBAYARAN

■ 19 Kaunter MAIPk dibuka di seluruh negeri Perak
■ Wakil Kutipan/Amil
■ FPX dan potongan gaji dalam talian melalui <a href="http://www.wakafperak.gov.my">www.wakafperak.gov.my</a>
■ Perbankan Internet melalui Maybank2u.com
■ EFT Akaun Maybank 558024315712 Waqaf Perak ar-Ridzuan
■  JOMPAY Biller Code 29892 Ref 1: Nombor yang dihasilkan daripada janaan pendaftaran di <a href="http://www.wakafperak.gov.my">www.wakafperak.gov.my</a>
■ SnapNPay 
Wakaf Perak Ar-Ridzuan

### BERWAKAF KINI LEBIH MUDAH MELALUI:





# KEMUKJIZATAN AL-QURAN DALAM AYAT-AYAT KAUNIAH

A

AL-QURAN merupakan kitab suci umat Islam yang menjadi salah satu mukjizat Nabi Muhammad S.A.W. Kemukjizatan al-Quran ini juga bukan hanya pada kehebatan dan keunikian bahasanya yang tidak mampu ditandingi bahkan meskipun pelbagai aspek itu mengisyaratkan pelbagai teori yang berkaitan dengan sains, geografi dan penubuhan.

Al-Quran juga memaparkan peristiwa-peristiwa lama dan menggambarkan peristiwa-peristiwa akan datang yang kesemuanya terbukti benar. Kemukjizatan ini juga tidak hanya terhad pada tempoh tertentu malahan ia akan kekal hingga ke hari kiamat.

Buku ini menghimpuinkan ayat al-Quran yang bersifat Kauniah dan membincangkannya dari sudut ilmu kemukjizatan al-Quran terutamanya pada era sains dan teknologi kini. Ayat-ayat ini juga menjelaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan alam semesta, juga tentang langit, bumi, matahari, bulan, bintang, lautan, gunung-ganang dan lain-lain. Ayat-ayat yang berkaitan dengan alam semesta inilah yang distilehkan sebagai ayat-ayat Kauniah.

## MOHD FAHMI ABDUL KHIR

Dilahirkan pada 20 Mac 1974. Beliau merupakan guru agama bertauiah di Jabatan Muhibah Perak, di samping penyebusus-haji bertauiah di Tadbung Haji Malaysia dan penceramah haji negeri Perak. Kepokaran beliau dalam penyelidikan ilmu kemukjizatan al-Quran serta pengejaran dan pembelajaran os klass Arab. Beliau mendapat pembildan di Kolej Islam Kelang sebelum melanjutkan pelajaran di Madrasah al-Lalibiyah, Pengkalan Hulu (Pondok Pakar). Kemudian meneruskan pengajaran ke Universiti Jordan dan memperoleh Sarjana Muda Kepujian dalam Bahasa Arab serta Daxwah al-Tajwid, Masjid Universiti Jordan (Mujtahid). Beliau memperoleh Diploma Pendidikan dalam Bahasa Arab dan Pendidikan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa dan semudarnya, menetapkan pengajaran di Universiti Malaya untuk Sarjana dan Doktor Faikrah dalam Bahasa Arab dan Ilmu-Ilmu Islam. Beliau mendapat pengiktirafan sebagai pensyarah Kolej Komuniti Genik, Pengurus Masjid Taibah dan Kemukjizatan al-Quran, Pondok Air Jemih, Genik, Ahli Majlis Agama Islam Perak (MAIPk), AJK Fauz Negara Perak dan AJK Pendidikan Tahfiz Negeri Perak.

